

Bil. 5

**Khamis
15 Jun 1995**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Perlantikan Ketua Pembangkang Bagi
Parlimen Kesembilan

[Ruangan 1]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 1]

USUL:

Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong

—Y.B. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong)

[Ruangan 19]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T.,
P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K., (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan, Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, (Besut).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Pedawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN BASERI @ AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZHAT @ SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pem-bangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

Yang Berhormat TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).

- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Semarahan).
- „ DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Hulu Nerus).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ TUAN CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).
- „ TUAN HEW SEE TONG (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM (Seremban).

Yang Berhormat TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).

- „ TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- „ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOHNNITY @ MAXIMUS BIN ONGKILI (Bandau).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR L. KRISHNAN (Teluk Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- „ PUAN G. LEELAVATHI (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).

Yang Berhormat TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).

- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- „ TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- „ DR NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Bagan).
- „ TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABDUL KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- „ DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
- „ PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).
- „ DR TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR TAN KEE KWONG (Segambut).

Yang Berhormat TUAN TAN KOK WAI (Cheras).

- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR TAN YEE KEW (Kelang).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIN BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON (Serdang).
- „ DR YAP YIT THONG (Lumut).
- „ DR YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasar Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik.

Pemangku Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.
Haji Suhor bin Husin.

Pelapor Perbahasan Parlimen : Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Hajah Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Hajah Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 15hb Jun, 1995***Mesyuarat dimulakan pada
pukul 2.30 petang***DOA***(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)***PENGUMUMAN TUAN YANG
DI-PERTUA****PERLANTIKAN KETUA
PEMBANGKANG BAGI
PARLIMEN KESEMBILAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab bagi Dewan Rakyat bagi Penggal Kesembilan tidak ada persetujuan di antara ahli-ahli Pembangkang berkenaan dengan perlantikan Ketua Pembangkang, *(Boo!)* saya pada 7hb Jun yang lepas telah menulis pada tiap-tiap orang Ahli Pembangkang di dalam Dewan ini minta mereka mengundi dengan surat yang telah disediakan dan menghantarkan undi itu balik kepada saya pada atau sebelum jam 5.00 petang 14hb. Jun, 1995 berkenaan dengan siapa yang ahli itu memilih menjadi Ketua Pembangkang.

Daripada 30 kertas undi yang dihantarkan sebelum 5.00 petang kelmarin, saya telah menerima balik 24 jawapan. Saya tidak menerima jawapan dari enam Ahli Pembangkang dan mengikut surat saya ahli-ahli itu dikira tidak mengundi. Dari kertas undi yang 24 yang saya terima itu saya dapati Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mendapat undi yang majoriti. *(Tepuk)*

Oleh yang demikian saya dengan ini mengisytiharkan Yang Berhormat Ahli dari Tanjong menjadi Ketua Pembangkang untuk Penggal Kesembilan Dewan Rakyat dan diberi kemudahan-kemudahan di bawah peraturan-peraturan seksyen (ii) seksyen 3 Akta Ahli-ahli Parlimen (Saraan) 1980 mulai pada hari ini.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi tahniah kepada beliau. Beliau telah pun berkhidmat sebagai Ketua Pembangkang semenjak tahun 1978 dan dengan demikian mempunyai cukup pengalaman. Saya meminta semua Ahli Pembangkang memberi kerjasama kepada beliau dan haraplah perjalanan mesyuarat kita akan berjalan dengan bertambah licin pada masa-masa hadapan. *(Tepuk)*

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN****INDUSTRI KERETA
TEMPATAN — PERBANDINGAN
ANTARA KOS DENGAN
MANFAAT EKONOMI**

1. **Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri memberi perbandingan di antara kos dengan manfaat ekonomi dasar melindungi industri kereta tempatan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya melalui projek-projek kereta nasional ianya akan membangunkan lagi industri

kenderaan bermotor tempatan serta mempercepatkan proses menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian.

Kerajaan sedar untuk mendapatkan manfaat besar sebagai sebuah negara pengeluar kereta di peringkat awal tentunya memerlukan berbagai-bagai pengorbanan yang melibatkan kos. Namun begitu, pengorbanan ini adalah menguntungkan negara jika ditinjau dari segi aspek jangka panjang. Di antara kos yang terpaksa ditanggung di peringkat awal pelaksanaan projek-projek kereta nasional itu termasuklah perlindungan pasaran bagi memberi peluang kepada kereta-kereta tersebut untuk bersaing di dalam pasaran yang dikawal.

Di bawah dasar perlindungan ini Kerajaan telah melaksanakan dasar sekatan import ke atas kereta Completely Build-Up (CBU) melalui kawalan kelulusan Permit Import (AP) serta mengenakan kadar duti import yang tinggi bagi kereta CBU di antara 140% hingga 200%.

Kerajaan juga mengawal pertumbuhan aktiviti industri pemasangan kereta penumpang tempatan dengan membekukan kelulusan projek-peojek baru bagi aktiviti tersebut. Melalui dasar-dasar tersebut negara kita kini telah berjaya mengeluarkan dan mengeksport kereta dan tergolong di dalam senarai negara-negara pengeluar kereta dunia.

Di antara manfaat-manfaat lain yang berjaya diperolehi berikutan dari kejayaan projek-projek kereta nasional itu adalah seperti berikut:

- (a) Kemajuan telah dicapai di dalam mengembang dan meningkatkan aktiviti industri

komponen kenderaan tempatan. Dengan peningkatan permintaan bagi komponen kenderaan tempatan secara langsung ianya telah membuka lebih banyak peluang kepada usahawan-usahawan tempatan untuk melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Selain dari itu ianya juga berjaya menjadi vendor bagi pengeluaran komponen dan alat-alat ganti bagi kereta-kereta tempatan lain. Secara keseluruhannya, pengeluaran industri ini bagi tahun 1994 telah meningkat sebanyak 13.8% berbanding dengan tahun 1993.

- (b) Melalui pembangunan industri ini, ianya telah berjaya menyediakan dan mewujudkan peluang pekerjaan bagi rakyat untuk sama-sama menikmati kemajuan yang diperolehi itu. Peningkatan jumlah pekerjaan dalam industri ini di dalam tahun 1994 berbanding dengan tahun 1993 ialah sebanyak 17.8%.

- (c) Melalui pembangunan industri ini, ianya berjaya mempertingkatkan tahap kemajuan industri serta proses pemindahan teknologi tempatan. Ini dapat dilihat di mana paras kandungan tempatan bagi kereta-kereta nasional adalah membanggakan dan sumbangannya adalah diusahakan oleh syarikat-syarikat tempatan. Bagi Proton, paras kandungan tempatan ialah melebihi 80%. Bagi Satria, ia melebihi 55%, manakala bagi Perodua, ia pula melebihi 45%.

Dari tahun 1985 hingga kini, peningkatan komponen tempatan dalam kereta Proton adalah pesat dan jenis barangan yang dikeluarkan mempunyai spesifikasi yang lebih canggih. Ini amatlah membanggakan dan dijangkakan akan berterusan di tahun-tahun yang akan datang.

Melalui dasar-dasar ini, adalah didapati bahawa sudah tentu usaha-usaha Kerajaan melindungi industri kereta tempatan bagi tujuan untuk memajukan telah membawa lebih banyak faedah jangka panjang jika dibandingkan dengan kos yang terpaksa ditanggung.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah duti-duti yang dikenakan ke atas kereta-kereta buatan luar negara telah menyala-hi atau bercanggah dengan penyertaan negara Malaysia kepada World Trade Organization (WTO) memandangkan bahawa tujuan WTO ialah untuk memastikan satu rejim di mana tidak ada satu tarif di antara negara. Dengan latar belakang demikian, adakah tarif untuk kereta-kereta buatan luar negara akan dikurangkan pada masa depan? Ini bukan sekarang, tetapi pada masa depan.

Yang kedua, kalau dasar perlindungan industri kereta tempatan yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, mengapakah setakat ini dari segi kos kereta untuk Proton di negara kita adalah lebih mahal daripada kos kereta yang dijual di luar negara? Umpamanya di Britain, di mana kalau kita menukar dari segi tukaran wang asing daripada paun kepada ringgit, adalah didapati bahawa harga jualan adalah jauh lebih murah

dengan apa yang dijual di negara Malaysia. Bolehkah kita menyelaraskan perbezaan ini supaya kita tidak subsidi — rakyat Malaysia tidak subsidi harga jualan kereta di luar negara dan rakyat Malaysia dapat menikmati hasil daripada pembuatan kereta kita sendiri?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama, Kerajaan akan kaji keadaan-keadaan untuk menyelaraskan permintaan-permintaan WTO dari semasa ke semasa. Jadi, kemungkinan ini akan menurunkan atau tidak, itu terpuang kepada masa yang akan datang.

Untuk menjawab soalan yang kedua, kos atau harga Proton di dalam negara ini lebih tinggi daripada harga yang dijual ke luar negeri, ini adalah kerana kereta-kereta yang dipasarkan di dalam negara ini dikenakan duti eksais dan sales tax dan juga barang-barang yang lain di mana harga Proton yang dijual di luar negeri ini tidak dikenakan apa-apa duti eksais. Selain daripada itu, ini adalah menjadi satu dasar Kerajaan supaya Proton ini dapat bersaing di dalam pasaran dunia. Untuk apa sebab-sebab perbezaan itu adalah seperti berikut:

- (i) bagi maksud menapak di pasaran luar negara;
- (ii) harga untuk bersaing secara berkesan dengan pengeluaran-pengeluar lain yang telah lama menjalankan pengedaran mereka;
- (iii) harga yang ditawarkan adalah bebas dari semua cukai di negara-negara yang mengimportkan Proton itu;

- (iv) amalan penepatan harga yang kompetitif adalah di antara strategi utama yang digunakan oleh syarikat-syarikat antara-bangsa di luar negara.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya mengharapkan jawapan dari segi kos dan manfaat. Manfaatnya saya mengharapkan jawapan selain daripada manfaat yang kualitatif, saya juga mengharapkan jawapan manfaat dari segi penciptaan peluang-peluang pekerjaan. Kalau tidak pun dalam bilangan pekerjaan, boleh diberi penciptaan pendapatan yang terhasil daripada dasar perlindungan ini dibandingkan, untuk diletakkan di dalam unit yang sama, dibandingkan dengan kos melepas yang terpaksa ditanggung oleh pengguna tempatan berikutan daripada dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua : Ya, Yang Berhormat, soalnya apa dia?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:

Jadi, soalnya, adakah permintaan saya yang seperti itu dapat dibekalkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terlalu spesifik. Jadi, bolehkah saya minta notis?

USAHAWAN DI BIDANG PELANCONGAN — PERUNTUKAN TAHUNAN

2. Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan tentang jumlah peruntukan tahunan untuk membangunkan para usahawan dalam bidang pelancongan seperti di bawah:

- (a) berasaskan alam semula jadi; dan
- (b) berasaskan pertanian.

Menteri Pembangunan Usahawan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, untuk membangunkan usahawan dalam bidang pelancongan, Kerajaan menganjurkan kursus-kursus bercorak teori dan praktikal mengenai pengurusan chalet, motel dan restoran. Ini adalah bagi melengkapkan mereka dengan ilmu pengetahuan mengenai pengurusan yang cekap supaya mereka dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan.

Program latihan untuk usahawan di bidang pelancongan dimulakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan pada tahun 1992. Sehingga sekarang, pihak Kementerian telah menganjurkan 48 kursus yang melibatkan 860 orang peserta. Peruntukan tahunan adalah RM250,000.

Selain latihan, Kerajaan juga melalui MARA, telah menyediakan peruntukan pinjaman untuk pembinaan chalet dan motel bagi menggalak tuan tanah di kawasan pelancongan membina chalet dan motel sebagai tempat penginapan pelancong. Sejak program ini bermula pada tahun 1988, seramai 329 pengusaha telah mendapat kemudahan tersebut. Ini melibatkan 986 buah chalet dan motel, manakala jumlah pinjaman yang terlibat ialah sebanyak RM6 juta dalam tempoh 6 tahun.

Selain itu, Kerajaan juga menyediakan tabung khas untuk pelancongan sebanyak RM200 juta yang disalurkan melalui bank-bank perdagangan dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad untuk membolehkan pembinaan tempat penginapan pelancong dan pembelian kenderaan. Sehingga kini, sebanyak RM183 juta telah diluluskan kepada 166 pengusaha.

Selain itu juga, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyediakan peruntukan RM100 juta untuk membina "budget hotel" yang dikenali sebagai Hotel Seri Malaysia di seluruh negara.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, memandangkan bidang eco-tourism, dengan izin, merupakan suatu bidang yang amat penting kepada pembangunan ekonomi negara. Adakah pihak Kementerian sedar bahawa sungguhpun kita boleh berusaha untuk membangunkan para usahawan, tetapi satu daripada masalah yang sangat serius ialah kekurangan kakitangan yang terlatih untuk memberikan perkhidmatan dalam bidang ini? Adakah pihak Kementerian berusaha untuk mendirikan sebuah kolej perhotelan seperti yang didirikan di Switzerland di mana ramai diperhatikan pergi ke negara-negara Eropah untuk menjalani kursus ini? Kalau kita boleh mendirikan sebuah kolej yang sedemikian, bukan sahaja akan menjimatkan tukaran wang asing, tetapi juga akan mengatasi masalah kekurangan kakitangan seperti ini.

Saya rasa, kalau kita tidak

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat cukup Yang Berhormat cukuplah! (*Disampuk*)

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, sekejap, satu lagi Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tidak membekalkan kakitangan yang cukup, saya rasa usaha untuk membangunkan para usahawan tidak akan membawa hasil yang sepatutnya.

Dato' Mustapa bin Mohamed:

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar memang terdapat kekurangan pekerja di bidang sektor perkhidmatan khususnya pekerja-pekerja di hotel dan ada di antara rakyat kita yang terpaksa mengambil kursus di luar negara. Dalam pada itu saya ingin maklum bahawa di negara kita terdapat beberapa buah institusi yang menganjurkan kursus dalam bidang perhotelan dan juga dalam bidang perkhidmatan. Ini termasuklah kursus-kursus anjuran Institut Teknologi MARA, Perbadanan Daya Pengeluaran Negara dan juga satu badan swasta iaitu Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR) yang sudah pun menubuhkan sekolah perhotelan di Langkawi. Ini di antara badan-badan atau institusi yang melatih pekerja-pekerja di bidang perhotelan.

Selain itu, beberapa buah institusi dalam negara juga telah mengadakan twinning programme, dengan izin, dengan kolej-kolej dan maktab-maktab luar negara untuk menambahkan bilangan kakitangan di bidang perkhidmatan. Jadi, ringkasnya Kerajaan sedar memang ada kekurangan bekalan pekerja di bidang ini. Buat masa ini Kerajaan tidak ada rancangan untuk menubuhkan badan-badan khusus kerana kursus-kursus yang disediakan oleh beberapa institusi seperti ITM, ITTAR di twinning programme ini mungkin mencukupi.

Tuan Yunof Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa peruntukan kewangan yang begitu besar disediakan oleh Kerajaan kepada para pengusaha pelancongan. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri,

apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Yang Berhormat untuk memberi maklumat kepada kaum bumiputera terutamanya di Sabah bahawa adanya kemudahan-kemudahan seperti ini.

Dan soalan yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kemudahan-kemudahan yang seperti apa?

Tuan Yunof Maringking: Peruntukan kewangan Tuan Yang di-Pertua. Dan soalan yang kedua ialah bolehkah Kementerian beliau mempertimbangkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Bukan Kementerian Belia.

Tuan Yunof Maringking: Kementerian beliau mempertimbangkan agar satu tindakan specific, dengan izin, bumiputera dapat diberi maklumat khas mengenai kemudahan kewangan seperti yang diperuntukkan. Itu soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak kata berkenaan dengan kemudahan kewangan tadi pun. Ada kemudahan kewangan, Yang Berhormat?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, memanglah ada segolongan masyarakat mungkin belum mendapat maklumat sepenuhnya tentang kemudahan-kemudahan yang diberikan termasuklah latihan dan kewangan. Insya-Allah, bagi Sabah kita akan mengambil tindakan khususnya melalui MARA untuk memberi maklumat yang lebih kepada bumiputera di negeri tersebut tentang kemudahan-kemudahan yang terdapat termasuk kemudahan latihan dan kewangan.

KOLEJ JUNIOR — KONSEP PENUBUHAN

3. **Dato' Yap Pian Hon** minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa apakah kedudukan mengenai cadangan untuk mewujudkan "junior college" bagi menggantikan Tingkatan 6 dan bilakah akan dilaksanakan cadangan ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, kertas konsep kolej junior telah diluluskan di peringkat Kementerian Pendidikan. Beberapa Jawatankuasa Petugas Khas telah ditubuhkan untuk merencana pelan tindakan penubuhan kolej tersebut dari aspek-aspek seperti kurikulum, keperluan kakitangan, pembangunan fizikal, peruntukan kewangan, latihan kakitangan dan struktur peperiksaan serta penilaian. Permohonan peruntukan pembangunan fizikal kolej junior telah dikemukakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, ingin diterangkan tujuan utama konsep kolej junior ialah untuk memperkuatkan lagi taraf pendidikan pra-universiti di samping mengadakan kursus-kursus akademik tradisional, Kementerian Pendidikan juga bercadang memperkenalkan mata pelajaran-mata pelajaran lain mengikut keperluan pasaran seperti kursus berkaitan dengan teknologi, sains komputer dan lain. Ini akan membolehkan pelajar-pelajar menggunakan sijil tersebut untuk memasuki universiti dan juga untuk mencari pekerjaan dengan lebih berkesan.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum wujudnya kolej junior oleh Kerajaan ini, sama ada Tingkatan Enam terus diwujudkan di kawasan-kawasan yang ditentukan?

Dato' Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Kementerian Pendidikan ialah pada peringkat permulaan kita cuba kolej-kolej tersebut di samping meneruskan Tingkatan Enam dan berdasarkan kepada pengalaman kita, hanya kita akan membuat satu keputusan berkala.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, berapa banyakkah jumlah junior college yang akan dibangunkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan adakah pihak Kementerian mempunyai emphasis supaya mencadangkan kali ini sekiranya ada junior colleges ditumpukan ke kawasan yang tidak pernah atau sekolah-sekolah yang tidak mempunyai Tingkatan Enam khususnya sekolah-sekolah di luar bandar?

Dato' Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, rancangan Kementerian Pendidikan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ialah untuk menubuhkan lima buah kolej junior dan cadangan Yang Berhormat supaya priority diberi kepada daerah-daerah di mana tidak ada Tingkatan Enam, Kementerian Pendidikan akan mengambil perhatian.

KEMALANGAN MELIBATKAN MOTOSIKAL — KEBERKESANAN PERATURAN MEMASANG LAMPU PADA SIANG HARI

4. Tuan P. Patto minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa selepas berkuatkuasanya peraturan yang mewajibkan pemasangan lampu pada waktu siang bagi motosikal, bilangan kemalangan yang melibatkan motosikal telah meningkat seperti mana telah diumumkan oleh pihak polis. Jika ya, mengapa

peraturan tersebut masih dikekalkan sedangkan ia tidak membawa hasil yang diinginkan dan juga iklim di Malaysia tidak memerlukan pemasangan lampu pada waktu siang bagi motosikal.

Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, tujuan peraturan mewajibkan pemasangan lampu pada waktu siang bagi motosikal adalah untuk meningkatkan kebolehlihatan, dengan izin, conspicuity motosikal dan seterusnya mengelakkan kemalangan yang berpunca dari kekurangan kebolehlihatan.

Adalah diketahui Tuan Yang di-Pertua, bahawa menunggang motosikal adalah 20 kali ganda lebih terdedah kepada kecederaan dari memandu kereta. Dari angka-angka kemalangan di negara ini, didapati bahawa 50% dari semua kemalangan yang melibatkan motosikal berlaku di simpang-simpang jalan. Di tempat-tempat seperti ini, kebolehlihatan amatlah penting bagi mengelakkan kemalangan.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menjelaskan dari segi vision, seseorang adalah central vision untuk menengok terus ke hadapan dan peripheral vision untuk menengok dari segi periphery dan apabila motosikal memasang lampu pada siang hari, ini akan meningkatkan kebolehlihatan (conspicuity) motosikal itu apabila ia menghampiri simpang-simpang dan ini akan membolehkan pemandu lain atau penunggang motosikal lain untuk menengok atau nampak lebih awal lagi motosikal itu dan suku-suku saat ini yang terpenting bagi penunggang motosikal lain atau pemandu lain untuk swerve dan mengelak dari berlakunya kemalangan. Ini akan menyelamatkan nyawa.

Tuan Yang di-Pertua, dari satu kajian yang telah dijalankan oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia mengenai kemalangan yang melibatkan motosikal di daerah Seremban dan Shah Alam, adalah didapati bahawa kempen dan peraturan memasang lampu pada siang hari telah dapat mengurangkan sebanyak 29% kemalangan motosikal yang melibatkan kebolehlihatan.

Dengan yang demikian Kerajaan tidak bercadang untuk menghentikan peraturan yang mewajibkan pemasangan lampu pada waktu siang bagi motosikal.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi beliau ada sebut tentang satu kajian yang dijalankan di Seremban dan Petaling, kalau tidak silap saya. Saya ingin tahu sama ada beliau sedar bahawa pihak polis telah pun membuat kajiannya sendiri bagi seluruh negara dan mengeluarkan kenyataan bahawa sudah terdapat satu peningkatan dalam kemalangan yang melibatkan motosikal. Jadi, nampaknya tidakkah benar bahawa dengan adanya pemasangan lampu pada waktu siang, ia dengan sendirinya tidak dapat mengurangkan bilangan kemalangan yang melibatkan motosikal di seluruh negara.

Yang kedua, tidakkah lebih sesuai oleh kerana dalam soalan saya, saya ada sebutkan tentang iklim dan sebagainya di rantau ini sahajalah, hanya di Malaysia yang terdapat peraturan ini. Kenapa begitu? Adakah ini bererti bahawa di dalam negara ini kurang penglihatan orang yang menunggang motosikal?

Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama pihak polis tidak pernah membuat satu kajian atas kemalangan-kemalangan atas sebab ketidakbolehlihatan. Pihak polis hanya

Tuan P. Patto: Saya tidak kata begitu— bilangan kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik: Tetapi Tuan Yang di-Pertua, memang ada polis telah mengumumkan peningkatan bilangan kemalangan di mana terlibat motosikal-motosikal. Tetapi langkah ini adalah untuk mengurangkan kemalangan-kemalangan akibat atau berpunca dari kekurangan kebolehlihatan dan tidak sebagai satu 'panacea', dengan izin, atau sesuatu panadol yang akan menghapuskan kemalangan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, soalan lain iaitu iklim. Adalah benar di Malaysia sangat cerah di siang hari tetapi di kebanyakan negara-negara maju seperti di England dan Australia, pada Summer juga cerah 16 jam, 18 jam sehari dan mereka juga memasang lampu pada siang hari. Dari pengalaman di situ juga, ini telah menurunkan kemalangan akibat dari kekurangan kebolehlihatan.

ELEKTRIK —KEKURANGAN BEKALAN/TEKANAN/CATUAN DI BATU GAJAH

5. Tuan Yeong Chee Wah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan di kawasan Parlimen Batu Gajah berapa kawasan yang sentiasa menghadapi masalah kekurangan bekalan elektrik, kekurangan tekanan elektrik dan catuan bekalan elektrik, dan:

- (a) apakah langkah-langkah positif yang telah, sedang dan akan diambil supaya masalah tersebut tidak diulangi lagi;

- (b) senaraikan projek-projek baru, perbelanjaan dan masa jangka siapnya akan dijalankan oleh Tenaga Nasional Berhad di kawasan Batu Gajah; dan
- (c) adakah Tenaga Nasional Berhad berhasrat membekalkan elektrik kepada rumah-rumah setinggan, jika ya, berapa kawasan di kawasan Parlimen Batu Gajah telah dibekalkan elektrik, berapa akan dibekalkan dan berapa menghadapi halangan. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tenaga Nasional Berhad Batu & Gajah telah mengenal pasti
- (b) beberapa kawasan yang mana infrastruktur sedia ada perlu ditingkatkan di dalam memastikan kemajuan pembangunan di kawasan yang disebutkan ini tidak terjejas.

Projek-projek ini adalah projek pengukuhan sistem di persekitaran Jalan Pusing, di kawasan Gunung Hijau serta sistem pembekal utama di Batu Gajah. Projek-projek ini menelan belanja berjumlah RM601,983 dan dijangka siap selewat-lewatnya pada Ogos tahun depan.

Di samping itu juga, beberapa projek baru bertujuan menstabilkan lagi bekalan elektrik ke kawasan Batu Gajah turut dilaksanakan. Ia

termasuk projek meningkatkan keupayaan pencawang elektrik ke Bangunan Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Projek bernilai RM62,083 ini dijangka akan siap pada bulan Ogos tahun ini juga. Selain daripada itu, terdapat juga projek pembinaan infrastruktur elektrik di persekitaran Celcom Bukit Berapit, di persekitaran Lot 6 Kawasan Perindustrian Bemban serta di persekitaran Jalan Pusing Batu Gajah. Projek-projek ini yang bernilai RM323,884 sudah siap dilaksanakan pada bulan Mei tahun ini.

- (c) TNB berhasrat memberi bekalan elektrik kepada semua pemohon yang layak menerimanya berpandukan kepada peruntukan Akta Bekalan Elektrik 1990. Walau bagaimanapun, setakat ini tiada permohonan diterima oleh pihak TNB sama ada secara berkumpulan atau individu daripada kawasan setinggan Batu Gajah. Kalau sekiranya ada lagi kawasan setinggan di kawasan Yang Berhormat masih tidak dapat bekalan elektrik maka saya cadangkan Ahli Yang Berhormat yang baru diberikan mandat oleh rakyat untuk menggantikan wakil Parlimen yang lama dari Pembangkang dapat mengemukakan permohonan dengan segera dan saya akan memberikan perhatian khusus kepada permohonan ini.

Tuan Yeong Chee Wah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri untuk membantu saya menyelesaikan masalah bekalan elektrik kepada rumah-rumah setinggan dan juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua untuk memberi peluang kepada saya soalan tambahan. Oleh kerana pada masa kini terdapat banyak gangguan bekalan elektrik (power failure), dengan izin, terutama di kawasan Batu Gajah, kadangkala satu hari ada terdapat dua tiga kali. Maka adakah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ada satu cara atau satu garis panduan untuk membolehkan pelanggan-pelanggan tenaga mengikut cara itu mendapat pampasan atau tuntutan daripada Tenaga Nasional Berhad?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, banyak sebab yang telah menyebabkan berlakunya gangguan dalam bekalan elektrik. Pihak Kementerian dan juga pihak TNB telah pun merancang satu rancangan yang menyeluruh untuk menyelesaikan masalah yang disebutkan ini. Satu peruntukan yang cukup besar telah pun diperuntukkan untuk mengadakan program baru. Misal kata untuk menambatkan voltage, menggantikan alat yang lama dan sebagainya akan dijalankan dan pihak Kementerian berharap bahawa hingga pertengahan tahun depan bahawa kesemua masalah yang dihadapi oleh pelanggan mengenai gangguan bekalan ini dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Bagan Datohkah itu, saya tidak nampak.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Jerantut, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jerantut ya.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, di kawasan saya, saya telah diberitahu oleh pihak TNB bahawa salah satu sebab gangguan ialah oleh kerana kabelnya dimakan oleh tupai (*Ketawa*) di kawasan-kawasan kampung. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada TNB akan mewujudkan kabel-kabel yang anti tupai ataupun boleh jadi di kawasan-kawasan pedalaman desa itu bekalan elektrik dapat disalurkan melalui underground cable, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Kali yang pertama saya dengar kabel dimakan tupai. (*Ketawa*)

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi banyak sebab telah pun dikenal pasti oleh pihak Kementerian yang menyebabkan gangguan bekalan termasuk sebab yang dikemukakan oleh kawan saya dari Jerantut. Saya beri janji bahawa kalau sekiranya perkara ini benar-benar berlaku di Jerantut, kita akan memberikan perhatian untuk memperbaiki keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tupai itu tak kena karankah? (*Ketawa*)

Dato' Chan Kong Choy: Ini mungkin tupai dari kawasan Jerantutlah. (*Ketawa*)

PELABURAN DI KELANTAN — GALAKAN

6. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah dan usaha Kementerian yang telah dibuat bagi menggalakkan dan meningkatkan pelaburan luar dan dalam negeri di negeri Kelantan;
- (b) apakah halangan-halangan yang menghalang pelaburan luar masuk ke negeri Kelantan; dan
- (c) sejauh mana kerjasama yang diberikan oleh Kerajaan Kelantan kepada Kementerian dalam usaha membawa pelaburan ke negeri Kelantan dan adakah Kementerian berpuas hati dengan tahap kerjasama yang telah diberikan itu.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua.

- (a) Bagi menggalak dan meningkatkan pelaburan asing dan tempatan di negeri Kelantan, Kerajaan telah memperkenalkan satu pakej insentif khusus untuk Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Keseluruhan kawasan negeri Kelantan termasuk dalam Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia ini.

Pakej insentif ini meliputi insentif-insentif seperti berikut:

- (i) Taraf Perintis;
- (ii) Elaun Cukai Pelaburan;

- (iii) Elaun Infrastruktur;
- (iv) Pengecualian Duti Import; dan
- (v) Galakan Pusingan Kali Kedua bagi Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan.

Di samping insentif-insentif cukai yang tersebut, MITI telah mengadakan beberapa misi pelaburan dan perdagangan serta seminar di luar negeri untuk menarik lebih banyak pelaburan asing ke Malaysia termasuk Kelantan dan wakil-wakil Kerajaan Negeri Kelantan turut dipelawa untuk menyertai misi dan seminar ini.

- (b) Sehingga sekarang MITI tiada rekod mengenai pelabur-pelabur yang menghadapi masalah untuk melabur di negeri Kelantan. Namun demikian, dalam membuat keputusan untuk melabur, selain daripada insentif yang disediakan, syarikat-syarikat juga mengambil kira faktor-faktor lain seperti suasana pelaburan, sosial dan budaya serta perkhidmatan-perkhidmatan sokongan yang memuaskan. Oleh yang demikian, sekiranya Kerajaan Negeri dapat memastikan semua faktor tersebut yang diperlukan oleh para pelabur dapat disediakan, maka sudah pasti para pelabur akan menempatkan pelaburan mereka di negeri tersebut.
- (c) Dalam usaha membawa pelaburan asing ke Kelantan, MITI telah mempelawa Kerajaan Negeri Kelantan menyertai misi-misi pelaburan dan

perdagangannya serta seminar di luar negeri. Sepanjang tahun 1994, daripada tujuh (7) misi pelaburan dan perdagangan yang dianjurkan oleh MITI, Kerajaan Negeri Kelantan hanya menyertai satu (1) misi sahaja iaitu ke Amerika Syarikat. Oleh itu, Kerajaan Kelantan perlu lebih aktif dalam usaha ini sekiranya ingin menarik para pelabur dan memastikan wujud suasana yang lebih menggalakkan di negeri Kelantan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat mengatakan dalam beberapa siri misi yang telah diadakan oleh MITI, Kerajaan Negeri Kelantan hanya mengikuti satu misi iaitu di Amerika Syarikat. Jadi, adakah Yang Berhormat boleh memastikan di sini bahawa Kerajaan Negeri Kelantan sendiri tidak berminat di dalam menarik pelabur-pelabur asing? Mungkin kalau boleh MITI membuat rombongan ke negara-negara lain seperti Timur Tengah dan sebagainya mungkin dapat menarik pelaburan masuk ke negeri Kelantan.

Adakah Kerajaan Kelantan sendiri memberi kerjasama kepada MITI? Di samping itu, adakah Kerajaan Kelantan sendiri mengambil inisiatif mereka untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negeri Kelantan?

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, adakah disebabkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat!

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: 2 (a), Tuan Yang di-Pertua. (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua: Satu soalan tadi sudah ada tiga! Cukuplah.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama sama ada Kerajaan Negeri Kelantan tidak berminat, ini terpulang kepada taksiran Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya tidak dapat menjawab bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan.

Untuk cadangan mengadakan misi ke negara-negara Timur Tengah, Kementerian saya boleh mengambil kira perkara ini dalam pertimbangan semasa membuat keputusan untuk menarik pelaburan daripada negara-negara Timur Tengah.

Negeri Kelantan dinasihatkan supaya mewujudkan satu suasana atau iklim pelaburan yang lebih menggalakkan. Inilah dinasihatkan.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa kemudahan-kemudahan insentif-insentif begitu banyak diberikan untuk menarik pelaburan untuk melabur khususnya ke Koridor Pantai Timur iaitu di Kelantan dan sebagainya. Jadi, saya ingin bertanya sejak tahun 1990 hingga 1995 ini berapa ramaikah pelabur-pelabur luar negeri dan dalam negeri yang telah cuba membuat pelaburan di negeri Kelantan dan berapa ramaikah daripada itu yang telah berjaya dan berapa ramai pula yang belum berjaya dan apakah halangan-halangan yang menyebabkan tidak berjaya?

Soalan yang kedua, bolehkah Yang Berhormat memaklumkan tentang langkah-langkah awal yang perlu dilakukan oleh syarikat-syarikat yang berminat untuk membuat pelaburan di negara kita ini, teristimewa sekali di Kelantan?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama, sebenarnya jumlah syarikat yang melabur di Kelantan itu kecil kalau dibandingkan dengan negeri-negeri di Koridor Pantai Timur. Pada tahun ini hingga sekarang cuma ada satu syarikat yang diluluskan. Tahun 1994 ada satu syarikat yang di bawah taraf perintis dan tiga syarikat tanpa galakan cukai dan satu syarikat yang mempunyai elaun cukai pelaburan. Jumlahnya lima (5) ada di Kelantan. Tahun 1993 ada empat syarikat bertempat di negeri Kelantan. Tahun 1992 ada empat syarikat dan tahun 1991 ada enam syarikat tetapi tahun 1990 syarikat yang diluluskan tiga tetapi cuma satu dalam production, yang dua itu 'temporary shelve or abundant', dengan izin.

Mengenai apa halangan-halangan ini, sudah diterangkan. Yang pertama, bukan sahaja insentif yang hendak diberi. Suasana dan iklim pelabur itu pun mustahak. Pelabur-pelabur asing dan tempatan seperti burung layang-layang, dia terbang dari tempat ke setempat, negara ke negara untuk mencari satu tempat yang paling sesuai dengan pelaburannya. Oleh sebab itu, dinasihatkan Kerajaan Negeri Kelantan mewujudkan iklim yang menggalakkan itu.

Mengenai apa langkah-langkah awal untuk menarik pelaburan ke negeri Kelantan, yang pertama sekali Kerajaan Negeri Kelantan kenalah menghulurkan tangan ke luar negeri atau ke luar

negara. Kalau tak kenal, maka tak cintalah. (*Ketawa*) Oleh sebab itu, berilah apa-apa maklumat-maklumat (informations) kepada negara-negara lain supaya dia boleh datang ke Kelantan melihat dengan mata sendiri apa iklim atau suasana yang wujud di dalam negeri Kelantan.

SUKAN KOMANWEL (SUKOM) DI KUALA LUMPUR 1998 — TAHAP PENCAPAIAN PERSIAPAN

7. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) bagaimanakah tahap pencapaian persiapan dan penyediaan atlit, sekretariat dan infrastruktur negara untuk menyambut tibanya Sukan Komanwel (SUKOM) yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1998;
- (b) sudahkah kajian terperinci dibuat atas pengalaman dan masalah pengurusan pelaksanaan dan persediaan negara lain untuk menjadi tuan rumah acara sebesar ini, jikalau ada, apakah masalah yang biasa dihadapi dan apakah rancangan untuk mengatasinya; dan
- (c) bagaimanakah keadaan persiapan ke atas kumpulan badminton negara dan bola sepak dapatkah masalah dalaman dua badan atau pemain tersebut diatasi.

Menteri Belia dan Sukan (Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Persediaan negara untuk menyambut Sukan Komanwel 1998 boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu persediaan atlit negara dan persediaan sebagai tuan rumah. Persiapan atlit telah pun bermula sejak tahun 1993 dan Fasa I melibatkan penubuhan sejumlah 249 pusat-pusat latihan di seluruh negara. Seramai 358 orang jurulatih yang terdiri daripada 75 orang jurulatih asing, 34 orang jurulatih tempatan sepenuh masa dan 249 orang jurulatih sambilan telah pun dilantik. Sementara itu seramai 3,042 orang atlit telah pun dikenal pasti melalui program latihan yang telah pun dilaksanakan.

Latihan Fasa II telah pun bermula sejak bulan April yang lepas, yang melibatkan 527 orang atlit yang terpilih daripada Fasa yang pertama.

Persiapan sebagai tuan rumah pula sedang pun giat dilaksanakan oleh Kementerian saya yang bertanggungjawab ke atas persediaan kemudahan dan SUKOM 98 Berhad, dari segi pengelolaan keseluruhan temasya tersebut.

Beberapa kemudahan baru sedang dan akan dibina oleh Kementerian, projek yang terbesar adalah Kompleks Sukan Negara yang melibatkan kos sebanyak RM554 juta. Pemaju projek ini telah pun memberi-

an komitmen menyiapkan keseluruhan projek ini pada bulan Disember 1997 iaitu lebih kurang 9 bulan lebih awal daripada Sukan Komanwel.

Selain dari pembinaan Stadium Utama, Stadium Tertutup dan juga Kompleks Renang yang menjadi komponen Kompleks Sukan Negara, dua buah kemudahan baru juga akan dibina di Bukit Jalil adalah Stadium Hoki yang akan siap pada tahun 1997 dan Stadium Skuasy pada tahun 1996. Rundingan dengan sebuah syarikat tempatan untuk membina kemudahan-kemudahan bagi boling padang dan bola jaring secara penswastaan telah pun sampai ke peringkat akhir, dan gelanggang-gelanggang ini dijangka akan dapat disiapkan pada akhir tahun hadapan, iaitu khasnya bagi boling padang dan bagi bola jaring pada tahun 1997.

Selain daripada pembinaan kemudahan-kemudahan baru, Kementerian juga bertanggungjawab ke atas kerja-kerja untuk menaiktaraf kemudahan-kemudahan yang sedia ada, seperti Stadium Badminton di Cheras, Velodrom di Kuala Lumpur, Stadium Merdeka serta beberapa padang kriket di sekitar Kuala Lumpur.

Sukan Komanwel 1998 adalah dianggarkan mendapat penyertaan sebanyak 6,000 atlit dan pegawai yang akan turut serta dalam sukan tersebut.

Pemaju yang membina Kompleks Sukan Negara juga bertanggungjawab untuk membina kampung sukan yang akan diserahkan dengan percuma dengan Kerajaan untuk kegunaan Sukan Komanwel. Kampung sukan ini sedang pun dibina di Bukit Jalil berdekatan dengan Kompleks Sukan Negara.

Selaku badan pengelola, SUKOM 98 Berhad sudah pun menyediakan beberapa pelan tindakan untuk melaksanakan tanggungjawabnya. Salah satu tugas penting adalah persediaan pegawai-pegawai teknikal yang diperlukan untuk mengelolakan pertandingan dan pihak SUKOM 98 Berhad bersama-sama dengan Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan telah pun melaksanakan pelan dan latihan untuk beberapa jenis sukan.

Pebelanjaan penyediaan pegawai teknikal adalah sebanyak RM1.72 juta. SUKOM 98 Berhad menganggarkan jumlah perbelanjaan yang diperlukan untuk menganjurkan sukan ini adalah sebanyak RM300 juta. Dengan yang demikian, syarikat tersebut telah pun memulakan kempen mengisi tabung dengan menandatangani perjanjian-perjanjian dengan beberapa syarikat tempatan yang akan menjadi penaja rasmi pembekal ataupun rakan kongsi.

Sebuah syarikat telah pun dilantik untuk membantu SUKOM menyediakan pelan pemasaran antarabangsa. Dari segi penyiarannya SUKOM 98 Berhad telah pun melantik Radio Televisyen Malaysia sebagai "host broadcaster", dengan izin, yang akan bertanggungjawab ke atas penyiaran radio dan televisyen ke dalam dan juga ke luar negeri.

- (b) Adalah menjadi amalan biasa bagi suatu badan penganjur temasya sukan antarabangsa seperti Sukan Olimpik ataupun Sukan Komanwel untuk mempelajari dan berkongsi pengalaman dengan tuan rumah sebelumnya. Pihak-pihak yang terlibat dengan penganjurannya telah pun membuat beberapa siri lawatan ke Victoria, Canada yang menjadi tuan rumah kepada Sukan Komanwel pada tahun 1994 dan ke Barcelona, Sepanyol yang menganjurkan Sukan Olimpik pada tahun 1992.

SUKOM 98 Berhad dapat mempelajari secara terperinci persediaan Victoria apabila pegawai-pegawainya menjalani latihan serta membuat tinjauan kerja dengan pihak penganjur Victoria selama sebulan sebelum perasmian sukan tersebut. Memandangkan persatuan-persatuan sukan akan memainkan peranan yang penting dalam pengelolaan pertandingan-pertandingan, maka beberapa wakil persatuan juga dihantar

ke Victoria untuk mengkaji pengelolaan sukan masing-masing.

Tiap-tiap tuan rumah menghadapi masalah yang berbeza. Walau bagaimanapun hampir semua menghadapi masalah dari segi menyediakan venue-venue pertandingan yang sesuai, kekurangan pegawai-pegawai teknikal yang berkecayakinan, kekurangan kakitangan yang berpengalaman, keperluan menaiktaraf infrastruktur bandar raya yang menjadi tuan rumah termasuk penyediaan hotel yang mencukupi, keperluan mempertingkatkan sistem komunikasi dan mendapat sokongan orang ramai sebagai tenaga sukarela.

Malaysia juga menghadapi masalah yang sama. Namun demikian, masalah-masalah tersebut akan diatasi memandangkan kepada sokongan penuh kerajaan sama ada dalam menyediakan kemudahan-kemudahan pertandingan ataupun infrastruktur-infrastruktur yang lain seperti sistem pengangkutan dan juga sistem komunikasi.

Kesungguhan Kerajaan untuk memastikan kejayaan Sukan Komanwel ini ditunjukkan melalui penubuhan Majlis Sukan Komanwel yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

(c) Saya suka memaklumkan bahawa persiapan pasukan badminton ke arah Sukan Komanwel 1998 berjalan tanpa banyak masalah. Masalah yang belaku antara sebilangan pemain dengan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) telah pun diselesaikan pada 15 Disember, 1994 yang lalu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukan bola sepak tidak dipertandingkan di Sukan Komanwel ini.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya dua soalan tambahan.

Yang pertama, apakah pendekatan yang dibuat oleh pihak Kementerian soal atlit-atlit yang muda, yang manja sangat kalau dihantar ke luar negeri bekehendakkan chaperon dan sebagainya?

Yang kedua, soal atlit yang materialistik, tidak struggle untuk negara, tetapi untuk mereka sendiri?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memang kita menyedari ada problem sedikit dari segi kalangan para atlit yang agaknya tidak mempunyai ketahanan untuk menghadapi desakan cara bentuk kejurulatihan yang dibuat di peringkat luar negara terutamanya.

Kita telah pun mengambil tindakan menerusi persatuan-persatuan mereka untuk menasihatkan supaya mereka mempunyai daya ketahanan. Ramai di

antara mereka berpendapat, mereka harus dilayan sepenuh masa sedangkan bentuk latihan yang diberikan oleh ramai jurulatih-jurutatih antarabangsa tidak begitu. Jadi, mereka terpaksa dibiarkan untuk boleh mereka berlatih secara sendiri, tetapi ini satu proses, kita harus terima dan saya percaya daripada semasa ke semasa para atlit kita akan dapat satu tahap daya ketahanan (resilience) untuk menghadapi bentuk-bentuk latihan begitu.

Mengenai soal sikap materialisme ini, sukar untuk kita perkatakan, kerana mungkin sebahagian daripada mereka mempunyai sikap begitu. Tetapi saya boleh menyatakan berdasarkan kepada pengalaman kita, sebahagian besar daripada para atlit kita tidak mempunyai sikap sedemikian, banyaknya bertanding atas niat untuk bertanding, atas semangat sukan, tetapi ada bentuk-bentuk pemberian dan sebagainya mereka akan terima, tetapi bukanlah itu sebagai satu usaha ataupun ganjaran yang dikehendaki oleh mereka.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah Kementeriannya bercita-cita menjadi penganjur selepas Sukan Komanwel, kepada Sukan Asia dan Sukan Olympics? Jika tidak, mengapa, dan jika ya, adakah negara kita berkecayaan?

Kedua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri apakah perkembangan kepada rancangan untuk merobohkan Stadium Negara dan Stadium Merdeka sebagai tukar-ganti kepada UEM kerana

membiayai kos pembinaan Kompleks Sukan Negara dan adakah pihak Kerajaan akan menimbang semula rancangan buruk ini yang ia akan merobohkan bangunan-bangunan warisan negara?

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Sila jawab!

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi cita-cita kita untuk kalau selepas ini kita berjaya menganjurkan Sukan Komanwel, akan menganjurkan sukan yang lebih besar daripada itu. Soalnya bila dan sama ada kita mampu, kita lihatlah. Kalau di peringkat pertamanya kita sudah berjaya, insya-Allah, tidak ada suatu perkara yang mustahil untuk selepas ini bagi Malaysia "beat", untuk menjadi tuan rumah bagi kedua-dua sukan yang terbesar ini.

Soal sama ada Stadium Negara dan Stadium Merdeka akan dirobohkan, di peringkat ini belum ditetapkan lagi tetapi mengikut jadualnya, bila selesai Sukan Komanwel itu nanti, tapak bagi kedua-dua tanah ini akan diambil alih oleh syarikat yang sudahpun diberikan tugas untuk membiayai Kompleks Sukan Negeri yang jumlahnya bernilai lebih daripada setengah bilion dan ini sudah pun dimenterai perjanjiannya. Walaupun begitu, kedua-dua kemudahan ini masih digunakan sehinggalah Sukan Komanwel itu selesai.

SAHAM UNTUK SYARIKAT DAN INDIVIDU BUMIPUTERA

8. Tuan Ibrahim bin Pateh Muhamad minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah syarikat-syarikat bumiputera yang telah diberi peruntukan saham di bawah peruntukan Kementerian sehingga 31.12.94.
- (b) selain daripada syarikat-syarikat bumiputera apakah individu bumiputera juga diberi peruntukan saham tersebut; dan
- (c) apakah syarat-syarat bagi syarikat dan individu bumiputera yang membolehkan mereka diberi peruntukan saham.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat 31hb Disember 1994, sebanyak 11,876 buah syarikat bumiputera telah mendapat agihan saham daripada peruntukan khas kepada pelabur bumiputera yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.
- (b) Pertimbangan peruntukan saham kepada individu bumiputera hanya diberikan kepada kes-kes khusus sahaja iaitu berdasarkan kepada permohonan dari sesuatu syarikat untuk menawarkan saham-sahamnya kepada pengarah, kakitangan dan pemegang saham syarikat berkenaan. Peruntukan saham kepada mereka akan memastikan kepentingan bumiputera dalam syarikat berkenaan dapat dipertahankan dalam jangka panjang dan untuk membolehkan pihak pengurusan memiliki saham syarikat berkenaan.

- (c) Syarikat yang ingin mendapat pertimbangan peruntukan saham hendaklah berdaftar di Kementerian Kewangan. Syarat-syarat asas pendaftaran ialah pemilikan ekuiti syarikat mestilah 100% oleh bumiputera.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak Kementerian mengamalkan ketelusan dalam pengagihan saham-saham ini memandangkan telah menjadi perkara yang merisaukan rakyat kerana kebanyakan saham ini diberikan kepada individu-individu tertentu yang mempunyai hubung-kait dengan pemimpin-pemimpin tertinggi Kerajaan Barisan Nasional?

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan jawapan yang lebih jelas, lebih terperinci siapakah yang diberikan saham? Kalau boleh, berikan senarai secara bertulis kerana saya rasa ini amat penting supaya tidak ada sebarang 'cover-up' bahawa sesiapa yang ada dapat saham, semua rakyat tahu. Jangan orang-orang yang ada kaitan dengan menteri-menteri ditutup. Oleh itu bolehkah ikut apa yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa, berikan senarai penuh tentang individu yang mendapat saham? Sekian.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bukanlah dasar Kementerian untuk memberi nama semua individu-individu yang mendapat saham daripada peruntukan ini. Tetapi menjawab soalan Yang Berhormat mengenai ketelusan, Yang Berhormat boleh mendapatkan nama individu-individu yang diberikan saham daripada syarikat-syarikat yang tertentu kerana individu-individu yang mendapat kelulusan mendapat saham daripada syarikat yang

tertentu adalah individu-individu yang telah direkomenkan oleh syarikat itu sendiri, iaitu individu-individu yang mempunyai kepentingan di dalam saham, dan Kementerian Kewangan hanya melulus atau tidak meluluskan permintaan ini. Kita meluluskan apa yang saya katakan tadi, untuk mempertahankan pemegangan bumiputera di dalam syarikat yang berkenaan.

Sebagai menjawab persoalan ketelusan, Yang Berhormat boleh bila-bila masa sahaja mendapatkan nama bumiputera-bumiputera yang mendapat saham itu daripada syarikat yang berkenaan. Tidak ada masalah dari segi ketelusan. Tetapi bagi Kementerian untuk menyenaraikan semua nama-nama individu ini, saya fikir tidaklah munasabah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah selesai.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 52 akan dijilid dalam buku berasingan)

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan kepada Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat “Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kesembilan”.
(14hb. Jun 1995)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk memberi seberapa ramai yang boleh Ahli-ahli berucap, saya meminta Ahli-ahli menghadkan ucapan masing-masing selama 15 minit. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas sila sambung ucapan. Yang Berhormat berucap 15 minit lagi.

3.37 ptg.

Tuan Zainuddin bin Mohamad Nor (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, pendapatan rakyat di luar-luar bandar; masih kedapatan rendah dikalangan mereka yang mempunyai pendapatan-pendapatan yang rendah termasuklah petani-petani, pekebun-pekebun kecil, peneroka-peneroka dan nelayan-nelayan yang perlu mendapat perhatian yang serius daripada pihak Kerajaan yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pembangunan negara kita pada hari ini adalah merupakan tahun yang terakhir Rancangan Malaysia Keenam di mana pencapaian ekonomi negara kita dianggarkan lebih kurang 8.9%, manakala pendapatan per kapita pula dijangka sebanyak RM9,940. Walau bagaimanapun, rata-rata rakyat di kampung masih

mempunyai pendapatan di tahap yang lama, terutama sekali petani-petani dengan subsidi yang begitu rendah yang diberikan oleh pihak Kerajaan kepada petani-petani terhadap hasil.....

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan kepada dia atau tidak? Dia bangun di sana itu.

Tuan Zainuddin bin Mohamad Nor: Saya beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Beri jalan, ya! Sila.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Tadi ada disebut masalah subsidi-subsidi yang murah. Saya ingin tahu, adakah Ahli Yang Berhormat berhasrat untuk melahirkan masyarakat subsidi di negara kita khasnya di Kelantan?

Tuan Zainuddin bin Mohamad Nor: Tuan Yang di-Pertua, masalah subsidi adalah masalah yang telah dikenal pasti oleh seluruh rakyat di dalam negara kita terutama sekali penduduk-penduduk yang miskin yang terdiri di kalangan orang-orang Melayu yang tinggal di kampung-kampung yang disifatkan masih miskin, termiskin dan "papa kedana", perkataan yang selalu digunakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita semasa menerajui kepimpinan Pemuda UMNO dahulu bersama-sama dengan saya juga.

Tuan Yang di-Pertua, soal subsidi ini ialah masalah tanggungjawab Kerajaan. Oleh kerana rakyat yang miskin yang segala-galanya perlu kepada pertolongan oleh pihak yang berkuasa, maka sudah tentulah Kerajaan yang bertanggungjawab untuk memberi perhatian dan pertolongan termasuklah subsidi, baja padi dan padi kepada petani-petani yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, kos pengusahaan petani-petani sekarang ini meningkat daripada semasa ke semasa. Maka sebab itulah subsidi perlu ditambah lagi kepada petani-petani yang mengusahakan padi. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pengawalan yang serius bagi pihak yang tertentu supaya apa yang akan disalurkan oleh pihak-pihak tertentu itu dapat disampaikan kepada petani-petani dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga dengan pekebun-pekebun kecil. Kalau dua atau tiga bulan sebelum daripada pilihan raya yang lepas, kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana pekebun-pekebun kecil kita dapat menikmati harga getah dan harga kelapa sawitnya meningkat luar biasa. Tetapi keadaan ini berlaku hanya seketika sahaja. Selepas selesai sahaja pilihan raya, nampaknya harga getah dan harga kelapa sawit sehinggalah sekarang ini telah menurun.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap kepada pihak yang berwajib supaya mengambil berat dan tindakan yang serius supaya permasalahan ini dapat diatasi dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, masalah petani ini juga di dalam negeri Kelantan terdapat suatu agensi di bawah Kementerian Pertanian ialah KADA. KADA ini telah sedikit-sebanyak dengan rancangan-rancangannya dapat memberi pertolongan kepada petani-petani kita di dalam negeri Kelantan. Tetapi, banyak perkara-perkara dan kelemahan-kelemahan yang berlaku di dalam pelaksanaan agensi KADA ini. Umpamanya di dalam pemberian lembu pawah kepada petani-petani sepatutnya diberi kepada mereka yang berhak. Tetapi apa yang berlaku, pemberian ini hanya diberikan kepada mereka yang kuat menyokong UMNO (Baru) dan Barisan Nasional semata-mata, walaupun mereka

ini tidak berminat kepada pemeliharaan lembu ini. Akhirnya, lembu-lembu ini disembelih dan dijualkan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di KADA ini juga batas kepada saluran tali air ini juga di Kelantan digunakan untuk laluan jalan-jalan raya di kampung-kampung. Tetapi apa yang mendukacitakan jalan-jalan ataupun batas-batas tali air ini tidak dijaga dan tidak diperbaiki oleh agensi yang berkenaan. Walaupun kita tahu peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Pertanian begitu banyak kepada agensi-agensi yang berkenaan, tetapi jalan-jalan, batas-batas yang digunakan ini terlalu teruk dan langsung tidak diperbaiki oleh pihak KADA, termasuklah juga kemudahan-kemudahan, jambatan-jambatan yang melintasi saluran berkenaan. Akibat daripada itu, ramai di kalangan kanak-kanak kecil yang terbunuh akibat daripada terjatuh ke dalam saluran tali air itu.

Di dalam kawasan saya sahaja pada penggal pertama 1990 sehingga 1995 ketika itu saya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Tendung. Di dalam kawasan Tendung sahaja, seramai 11 orang dalam masa lebih kurang 4 tahun, kanak-kanak terbunuh di dalam saluran tali air yang berkenaan. Pada minggu lepas pula terdapat seorang mangsa juga kanak-kanak terbunuh kerana terjatuh ke dalam tali air iaitu akibat kerana jalan terlalu buruk dan jambatan-jambatan tidak diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepada pihak yang bertanggungjawab supaya mengambil tindakan yang serius supaya perkara-perkara buruk dan kemudahan-kemudahan asas kepada petani-petani ini dapat diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam mengatasi masalah kemiskinan rakyat, pihak Kerajaan termasuklah Kementerian Kewangan telah banyak bercakap untuk membasmikan kemiskinan rakyat, dan telah banyak juga kita percaya perkara-perkara telah dilaksanakan untuk mengatasi masalah tersebut. Di antaranya ialah apa yang banyak diperkatakan oleh pihak-pihak tertentu termasuklah bekas Timbalan Menteri Kewangan ialah masalah skim pinjaman ASB/PPRT ini. Kononnya skim ini ialah untuk membasmi kemiskinan, Kerajaan telah memberi pinjaman sebanyak RM5,000 kepada rakyat yang termiskin. Pertama, apa yang berlaku bukan semuanya pemberian itu kepada mereka yang sepatutnya, iaitu golongan-golongan yang termiskin. Tetapi apa yang berlaku, yang dapat pemberian ini kebanyakannya ialah terdiri daripada penyokong-penyokong kuat UMNO (Baru) di peringkat Cawangan-cawangan di kampung-kampung, walaupun mereka ini tidak berhak untuk menerima sebagai seorang yang miskin.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Zainuddin bin Mohamad Nor: Ya, Kita beri kepada saudara kita. Sila.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tentang skim ASB/PPRT ini, saya ingat Yang Berhormat agak ketinggalan masa. Kadang-kadang terkeliru kerana cara sistem kerja-kerja ini diuruskan oleh Penghulu-penghulu, Pegawai Daerah, kemudian kita hantar kepada JPM untuk disenarai, kemudian di-komputerisekan dan orang-orang ini dapat. Dalam kawasan saya, bukan semua orang UMNO dapat. Asalkan dia bumiputera, asalkan dia miskin, dia susah Kerajaan beri. Jadi, Yang Ber-

hormat jangan terlampau emosional sangat. Dari kelmarin saya nampak terlalu emosional. Kena sabarlah, ini perjuangan. Terima kasih.

Tuan Zainuddin bin Mohamad Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada saudara kita kerana kawasannya nampaknya berlaku adil. Tetapi apa yang saya perkatikan ini ialah di kawasan saya, yang berlaku ketidak-adilan itu.

Tuan Yang di-Pertua, skim ini kalaulah untuk membasmi kemiskinan rakyat yang miskin, yang papa kedana ini dengan pemberian sebanyak RM5,000 ini adalah satu pemberian pinjaman yang wajib dibayar dalam jangka masa 15 tahun lebih kurang. Dan apa yang diperolehi oleh rakyat setelah ditolak hutang dalam masa 15 tahun ialah lebih kurang RM200 sahaja setahun. Kalau dibahagikan 12 bulan ialah RM16.50 sebulan. Kalau dibahagi pula dengan 30 hari, jawabnya 65 sen sehari. Apakah dengan 65 sen sehari ini kita dapat mengatasi masalah kemiskinan rakyat yang papa kedana untuk memelihara anak, untuk hendak memelihara isteri, untuk menyekolahkan anak dan sebagainya.

Kalau di Kelantan, saya rasa cukup dengan 65 sen itu, masuk kedai kopi minum teh secawan, dapat lagi satu kuih. Tetapi kalau di negeri lain, satu cawan kopi pun tidak cukup. Ini jelas dan nyata kepada kita bahawa skim ini tidak akan dapat memberi pertolongan dan manfaat jangka pendek kepada rakyat yang termiskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepada pihak yang berwajib mengkaji kembali skim ini supaya ianya benar-benar dapat memberi pertolongan yang sewajarnya kepada pihak yang benar-benar memerlukan kepada pertolongan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiganya ialah masalah kereta nasional.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Tuan Zainuddin bin Mohamad Nor: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan juga berbangga dengan kereta nasional ini dan saya dan juga kita berbangga kerana negara kita ini terkenal, dapat memasarkan kereta kita ke seluruh dunia ini, ke pasaran-pasaran antarabangsa. Tetapi yang mendukacitakan ialah harga kereta tersebut, terlalu tinggi kalau dibandingkan dengan mula-mula kereta ini dilancarkan, harga Proton Saga 1.3 ialah lebih kurang RM15,000. Tetapi sekarang meningkat sehingga RM35,000 — 100% lebih.

Tuan Yang di-Pertua, seolah-olahnya kita anak cucu berbangga kerana bapa kita, datuk kita ada kebun buah-buahan, tetapi apabila anak hendak makan buah itu harganya pula terlalu mahal. Akhirnya anak-anak cucu kita juga tidak boleh hendak menikmati hati pembangunan negara. Ditambah pula dengan kadar faedah pinjaman yang dikenakan ke atas kereta Proton ini terlalu tinggi iaitu 8%.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya!

Tuan Zainuddin bin Mohamad Nor: Saya tidak benarkan lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak benar!

Tuan Zainuddin bin Mohamad Nor: 8% kalau dibandingkan dengan kereta-kereta lain untuk mendapat pinjaman finance dengan company kewangan hanya dengan 5% ataupun 6% sahaja, kenapa pula kepada kereta Proton Saga ini dibebankan lagi, walaupun sudah harganya mahal dibebankan lagi dengan pinjaman sebanyak 8%?

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Zainuddin bin Mohamad Nor: Tuan Yang di-Pertua, kalau minta satu minit lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, saya rasa cukuplah.

Tuan Zainuddin bin Mohamad Nor: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Gelang Patah, silakan.

3.52 ptg.

Tuan Chang See Ten (Gelang Patah): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan selamat petang. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang keemasan ini menyokong Usul yang dibawa oleh rakan seperjuangan saya dari kawasan Parit Sulong iaitu suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, operasi pihak berkuasa menahan dan menyiasat warga-negara Bangladesh yang bekerja di stesen-stesen minyak tanpa permit kerja yang sah baru-baru ini telah menjadi bahan liputan fokus media massa yang juga buah mulut hangat segenap lapisan masyarakat terutama golongan pemilik kereta. Pengoperasi stesen minyak yang terbabit telah mendesak pihak Kerajaan supaya memberikan kelonggaran yang lebih besar dalam menangani isu ini, agar stesen-stesen minyak mereka tidak perlu menghentikan perkhidmatan berikutan kekurangan atau kesukaran untuk mendapatkan pekerja.

Walaupun isu tersebut telah dapat diselesaikan pada akhirnya dengan mengambil kira kepentingan semua pihak yang terlibat. Tetapi saya percaya sebahagian besar pemandu kenderaan, terutamanya mereka yang berada di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Johor Bahru, telah sempat merasai ketidakselesaan yang timbul apabila mereka membawa kenderaan masing-masing yang telah kehabisan bahan bakar ke stesen minyak untuk diisi semula, tetapi mendapati stesen minyak yang dikunjungi dahulunya dibuka 24 jam, tidak beroperasi pada waktu malam lagi.

Di samping itu, kerja-kerja memungut sampah-sarap dari pintu ke pintu yang telah diswastakan kepada kontraktor oleh pihak Majlis Daerah Johor Bahru Tengah, juga tergendala baru-baru ini kerana masalah mendapatkan pembaharuan permit kerja untuk para buruh asing. Oleh yang demikian, penghuni tempatan telah menyuarakan ketidakpuasan di atas kesulitan yang dialami oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya isu-isu yang sedemikian memberikan satu pengajaran yang sungguh bermakna kepada kita semua iaitu kemajuan negara dan juga kehidupan harian kita akan terganggu satu hari nanti jikalau kita terlalu bergantung kepada tenaga kerja asing untuk memberikan perkhidmatan dalam sektor tertentu dalam pembangunan negara.

Sungguhpun dalam isu kekurangan pekerja di stesen minyak cuma menimbulkan ketidakselesaan kepada para pemandu kenderaan untuk beberapa hari sahaja, tetapi jika satu hari nanti apabila majoriti golongan profesional yang diimport tidak dapat meneruskan perkhidmatan mereka dengan segera dalam negara kita ini, maka kemajuan negara

kita akan terbantut dengan serta-merta dan nescaya pada darjah yang lebih ketara.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat tidak lama dahulu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pernah mengatakan bahawa perpindahan teknologi yang lambat dalam industri tempatan berpunca terutamanya dari sikap rakyat negara ini yang enggan atau kurang bersedia untuk menerima ilmu atau teknologi yang dibawa oleh pelabur-pelabur asing kerana golongan terpelajar tempatan lebih cenderung memainkan peranan sebagai pengurus atau pentadbir dalam sesebuah organisasi daripada berkhidmat dalam bahagian atau jabatan teknikal.

Baru-baru ini juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita setelah melakukan lawatan ke tapak pembinaan salah sebuah projek pembinaan terbesar di negara kita ini yang membabitkan penggunaan teknologi bertaraf antarabangsa, meluahkan rasa kesal dan ketidakpuasan beliau terhadap penglibatan yang mengecewakan yang ditunjukkan oleh para jurutera tempatan dalam projek tersebut.

Fenomena sedemikian jika dibiarkan berlârut adalah tidak sihat dan pasti akan mempengaruhi atau melambatkan kadar kemajuan negara. Justeru itu, Kerajaan perlu memandang serius perkara ini serta menyusun satu program khas untuk menyedarkan serta memperbetulkan sikap rakyat yang begitu ghairah menikmati keselesaan jangka pendek yang mementingkan diri sendiri sehingga sanggup mengorbankan kepentingan negara dari aspek makro dan juga untuk jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sikap yang positif sahaja tidak dapat memastikan pembangunan yang berterusan. Ke-

rajaan juga perlu mengatur langkah untuk menawar latihan dan mempertingkatkan kemahiran serta pengetahuan teknologi kepada rakyat jelata yang sedang bekerja dan juga mereka yang bakal menyertai pasaran tenaga kerja untuk memberikan sumbangan ke arah pembangunan.

Kita perlu sedar bahawa zaman sekarang sungguh mencabar. Teknologi semakin hari semakin canggih, maka kita perlu menyediakan tenaga kerja yang dapat maju bersama perubahan dan jika boleh kita mesti menerajui perubahan dan bukan menjadi pengikut semata-mata untuk mencapai matlamat ini. Kerajaan perlu memberikan lebih banyak penekanan dan peruntukan bagi menggalakkan pihak swasta serta badan berkanun Kerajaan yang berkenaan agar dapat merangka program latihan dalam kerja untuk mereka yang sedang dalam perkhidmatan bagi mempertahankan daya saing individu dalam pasaran dan sekali gus mempertingkatkan produktiviti organisasi yang berkenaan. Di samping itu program penyelidikan dan pembangunan (R&D) juga perlu dipergiatkan serta mewujudkan lebih banyak peluang untuk anak watan menimba ilmu pengetahuan sehingga ke peringkat pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya bincangkan dengan panjang lebar di sini ialah peluang untuk memasuki pusat-pusat pengajian tinggi tempatan bagi generasi muda. Kita sedia maklum bahawa sukatan pelajaran di universiti-universiti tempatan telah digubal sedemikian rupa agar dapat menghasilkan para graduan yang dapat memenuhi kehendak tempatan dan kajian semula terhadap sukatan pengajaran yang sedia wujud juga dilakukan dari masa ke semasa selaras dengan perubahan terhadap jangkaan prestasi para graduan dalam pembangunan negara.

Yuran pengajian di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan juga dalam lingkungan yang mampu ditanggung oleh kebanyakan keluarga menengah di mana sebahagian besar kos untuk pengajian mahasiswa-mahasiswi dibiayai oleh pihak Kerajaan. Dukacitanya baru-baru ini apabila Kerajaan mencadangkan untuk mengkorporatkan universiti-universiti tempatan demi meringankan beban Kerajaan, khasnya dari segi kewangan, kita telah kedengaran ura-ura yang mengesyorkan yuran pengajian di universiti tempatan juga turut dinaikkan dan kadar kenaikannya bukan 10%, bukan 20% tetapi beberapa ratus peratus.

Kita dapati kebanyakan pentadbir universiti-universiti tempatan berhasrat menaikkan yuran pengajian sehingga beberapa kali ganda berbanding dengan yuran pengajian asal sebagai salah satu pendekatan memperkukuhkan kedudukan kewangan institusi pengajian tinggi yang akan dikorporatkan kelak. Lantaran itu saya percaya ramai pelajar yang layak untuk mendapat pendidikan tinggi di universiti tempatan berdasarkan pencapaian akademik di peringkat sekolah menengah akan terpaksa mengorbankan peluang keemasan itu semata-mata kerana tidak mampu dari segi kewangan.

Ini seterusnya akan menjejaskan usaha Kerajaan melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir dan golongan profesional untuk pembangunan negara yang begitu pesat pada masa ini dan juga pada masa yang akan datang dan yang lebih penting lagi ialah pendidikan di peringkat tinggi akan menjadi satu keistimewaan yang eksklusif untuk golongan berada. Akibatnya, golongan yang kaya akan menjadi semakin kaya kerana anak cucu mereka boleh berpelajaran tinggi. Sebaliknya, mereka yang miskin akan tetap miskin dan papa kerana harapan mereka untuk mengubah nasib melalui pendidikan kekal sebagai

angan-angan disebabkan mereka tidak mampu membiayai yuran pengajian di peringkat tinggi dalam negara, apatah lagi belajar di seberang laut.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai parti yang diberikan mandat oleh majoriti rakyat pada pilihan raya umum baru-baru ini, Kerajaan Barisan Nasional harus mengambil berat perkara kenaikan yuran pengajian ini seperti mana perhatian dan usaha yang dilakukan oleh Kerajaan untuk membendung kenaikan harga barangan pengguna yang lain. Tema manifesto Barisan Nasional pada pilihan raya umum yang lalu ialah "Berwawasan, Adil dan Efisien". Sekiranya golongan kurang mampu tidak dapat menikmati pendidikan peringkat tinggi, ini adalah satu perkara yang tidak adil dan Kerajaan perlu campur tangan untuk membela nasib golongan ini demi keadilan sosial.

Pendek kata, Kerajaan bukan sahaja perlu memperbanyakkan peluang untuk generasi muda menerima pendidikan tinggi, tetapi juga perlu memastikan peluang ini dapat dinikmati dengan adil oleh semua. Suka saya tegaskan di sini, bahawa pendidikan yang tinggi merupakan satu-satunya jalan untuk golongan bawahan memperbaiki kedudukan ekonomi keluarga mereka. Jika jalan ini ditutup kepada golongan ini bukan sahaja bermakna mereka tidak dapat memperbaiki status ekonomi mereka, malah juga bererti tanggungjawab atau peranan Kerajaan Barisan Nasional sebagai pembela rakyat turut gagal sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, sekarang sudah tibalah masanya untuk Kerajaan mengkaji semula program-program latihan dan pendidikan untuk rakyat tempatan. Sektor-sektor yang masih kekurangan ahli profesional seperti kedokteran dan kejuruteraan perlu diberi

lebih penekanan dalam rangka rancangan pendidikan peringkat tinggi, manakala bidang industri yang berintensif buruh dan sering menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja perlu dimajukan menjadi industri yang menggunakan teknologi tinggi tanpa perlu banyak tenaga insani melalui penyelidikan dan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pilihan raya umum 1995

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Chang See Ten: Okay parti Barisan Nasional bimbang isu pengambil balik tanah pekebun-pekebun kecil untuk tujuan pembangunan akan menjejaskan sokongan rakyat jelata kepada kita tetapi hasil pengundian menunjukkan bahawa rakyat bersedia menerima calon-calon Barisan Nasional. Bagi saya, keputusan para pengundi memilih calon-calon Barisan Nasional menjadi Ahli Yang Berhormat menunjukkan tanda mereka tidak menolak pembangunan dan mereka berharap Wakil Rakyat yang dipilih oleh mereka boleh membantu mendapatkan pampasan yang lebih munasabah. Oleh itu, gelaran "Yang Berhormat" sebenarnya bukanlah satu penghormatan semata-mata, tetapi lebih merupakan satu tanggungjawab yang diamanahkan.

Kini, setelah pilihan raya umum, ia merupakan masa untuk kita berkhidmat memperjuangkan kepentingan rakyat. Di kawasan Gelang Patah, majoriti daripada pekebun kecil yang tanah mereka diambil untuk pembangunan bandar baru tidak puas hati dengan kadar pampasan yang diberikan. Saya tidak tahu statistik bilangan pekebun kecil yang tidak puas hati dengan pampasan yang dicadangkan di kawasan lain, tetapi saya percaya

majoriti daripada mereka yang terlibat tidak setuju dengan harga yang dicadangkan, seperti mana yang saya katakan tadi, ketidakpuasan mereka tidak harus disalah ertikan sebagai bantahan mereka terhadap pembangunan. Mereka mengalu-alukan pembangunan tetapi pada masa yang sama mereka juga menaruh harapan terhadap Wakil Rakyat yang dipilih untuk mempertahankan kepentingan mereka.

Memandangkan rakyat jelata menunjukkan sokongan yang begitu menggalakkan kepada calon-calon Barisan Nasional, Kerajaan Barisan Nasional harus mengambil sikap proaktif mengkaji semula Akta Pengambilan Tanah yang sedia ada dengan lebih memberi penekanan terhadap faktor keadilan sosial di mana para pekebun kecil perlu diberi keutamaan memajukan tanah mereka sendiri atau sekurang-kurang diberi peluang menyertai dan menikmati bersama hasil pembangunan dengan ditawarkan saham.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Tuan Chang See Ten: Sedikit lagi, satu paragraph lagi. Dua minit sahaja. Sekejap — minta maaf saya sudah tunggu tiga hari.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Habiskan ayat itu Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tetapi saya rasa masa sudah suntuk.

Tuan Chang See Ten: Boleh saya sambung?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat tidak boleh sambung lagi, habiskan ayat sahaja supaya tidak tergantung.

Tuan Chang See Ten: Cuma dua paragraph sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat!

Tuan Chang See Ten: Okay, saya habiskan ayat itu. Sekurang-kurangnya diberi peluang menyertai dan menikmati sama hasil pembangunan dengan ditawarkan saham dalam organisasi pe-maju.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah Yang Berhormat. Sungai Petani.

4.09 ptg.

Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana kesediaan Baginda bertitah dan merasmikan persidangan Parlimen yang mulia ini. Ucapan Baginda sekali gus memaparkan rasa keprihatinan Baginda terhadap segala permasalahan yang melanda negara dan rakyat jelata. Daripada kekukuhan ekonomi negara, perpaduan, fanatisme agama sehinggalah turut menyinggung hari muka dan masa depan negara yang dirasakan amat gemilang itu.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat jelata telah pun membuat keputusan, dalam Pilihanraya Umum 1995, merupakan detik yang paling manis buat Barisan Nasional. Ia sudah pastinya saat yang paling membanggakan bagi Presidennya, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Tidak ada siapa yang mempertikaikan bahawa Barisan

Nasional akan meraih majoriti 2/3 di Parlimen dalam pilihan raya yang kesembilan ini, tetapi tidak ada siapa yang menduga bahawa Barisan Nasional akan menyapu 162 kerusi daripada 192 kerusi Parlimen dan 338 daripada 394 kerusi Dewan Undangan Negeri yang dipertandingkan.

Siapa yang menduga bahawa Pembangkang akan mencipta catatan paling getir dalam sejarah pilihan raya negara ini? Rakyat yang menjadi "raja dua hari" itu memutuskan untuk menolak mereka. Hukuman rakyat terpaksa diterima. Sebenarnya menjadi bukti paling sahih bahawa kuasa rakyat sama sekali tidak boleh dipandang enteng. Untuk Pembangkang, ini adalah tinta hitam yang sukar dilupakan seumur hayat. Mahu tidak mahu, keputusan yang memilukan ini amat sukar diterima. Namum, hakikatnya amat menonjol. Politik perkauman sempit dan fanatisme ala-DAP dan PAS serta Parti Melayu Semangat 46 telah ditolak mentah-mentah oleh rakyat.

DAP ternyata menerima tamparan paling getir apabila ia hanya mampu meraih 12.1% daripada jumlah undi atau 722,176 undi keseluruhan. Pada tahun 1990, DAP memperolehi 16.5% undi. Kali ini DAP hanya berjaya mempertahankan 9 daripada 20 kerusi Parlimen yang diperolehinya 5 tahun yang lalu.

Pada peringkat negeri, DAP hanya berjaya mendapat 11 kerusi negeri, berbanding 45 kerusi pada tahun 1990. PAS hanya mendapat 7.3% daripada jumlah undi atau 437,022 undi. Namum, PAS secara keseluruhannya mampu mempertahankan 7 kerusi Parlimen dan memperolehi 1 kerusi negeri tambahan menjadikan jumlahnya 33.

Semangat 46 hanya memperolehi 10.1% daripada keseluruhan jumlah undi atau bilangan undi sebanyak 604,556.

Pada tahun 1990, parti itu memperoleh 14.3% undi. Semangat 46 kehilangan 2 kerusi Parlimen daripada 8 pada tahun 1990 dan hanya berjaya menduduki 12 kerusi Dewan Undangan Negeri berbanding dengan 19 pada tahun 1990.

Sebelumnya, DAP berkeyakinan penuh untuk meraih undi besar di Pulau Pinang. Namun, strategi DAP yang cuba mempamerkan Setiausaha Agungnya sebagai penyelamat, simbol kuasa agung dan Robocop ternyata amat menggerunkan pengundi. PAS dan Angkatan Perpaduan Ummah begitu yakin untuk menyapu bersih negeri Kelantan sekali lagi. Tetapi apabila rakyat membuat keputusan dan menjatuhkan hukuman, ada sedikit hehampaan. APU juga turut dimalukan di negeri itu.

BN mendapat 2 kerusi Parlimen dan 7 kerusi Dewan Undangan Negeri. Dari-pada keputusan rakyat tersebut, terdapat beberapa kecenderungan yang amat menarik untuk diperhatikan. Pilihan raya ini ternyata merubah sama sekali pola pemilihan yang normal. Pengundi Tionghua tidak lagi terpengaruh dengan dakwah DAP bahawa Kerajaan yang mempunyai majoriti 2/3 perlu mempunyai Pembangunan yang kuat. Ditambah dengan pertimbangan kestabilan politik, suasana perniagaan dan polisi pemerintah yang pro-perniagaan, cukup disenangi oleh mereka.

Rakyat percaya, bahawasanya penyokong-penyokong Kerajaan dalam Dewan ini mampu memainkan peranan yang lebih efektif daripada Pembangunan itu sendiri.

MCA, MIC dan GERAKAN mendapat nyawa baru dalam pilihan raya ini. Dalam pilihan raya yang lepas, calon-calon daripada parti-parti ini ternyata banyak menumpang kasih kepada pemilihan Melayu, tetapi kali ini kecenderungan tersebut telah berubah.

Pulau Pinang tidak tumbang, namun Setiausaha Agungnya hampir-hampir tumbang dan DAP Pulau Pinang telah menerima pukulan maut yang hampir-hampir menumbangkan mereka sendiri. Masyarakat Tionghua Pulau Pinang kini cukup sedar bahawa tempat mereka bergantung kasih sebenarnya bukanlah DAP, tetapi ialah Barisan Nasional itu sendiri. Pertarungan maut seperti yang digembar-gemburkan sebenarnya tidak berlaku. Setiausaha Agung DAP tewas kepada Ketua Menteri Pulau Pinang dengan majoriti yang cukup besar di Tanjong Bungah.

Bekas Ketua Hakim Negara yang mendakwa cakapnya terlalu tinggi untuk penghuni flat, menerima pukulan maut di tangan pendatang baru, si kecil molek, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dari Lembah Pantai. Sekali gus turunnya bekas Ketua Hakim Negara ke gelanggang yang terbuka telah menyerlahkan belang politiknya sebelum ini.

Pilihan raya kali ini juga memperlihatkan kemunculan kumpulan pengundi baru yang agak besar. Generasi ini tidak seperti generasi 1969 yang menyorot pemerintah dengan penuh kecurigaan dan kesangsian, tetapi inilah generasi yang di didik oleh sistem pendidikan kebangsaan yang amat patriotik sifatnya yang disuntik dengan semangat kesetiakawanan serta rasa kekitaan yang tulin. Inilah generasi baru Malaysia yang mampu berfikir dengan matang dan mampu meneropong diri mereka sebagai generasi harapan masa depan negara. Kelompok ini adalah aset penting untuk negara dalam proses pendakian wawasan murni 2020. Mereka lebih mengerti apakah makna sebenar negara maju, berwawasan dan berhati besar itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk merealisasikan cabaran Wawasan 2020, pembangunan sumber tenaga manusia paling

penting. Sumber paling utama bagi sebuah negara ialah bakat, kemahiran kreativiti dan daya usaha rakyatnya. Ini hanya dapat dicapai melalui pendidikan sebagai wasilahnya. Sistem pendidikan kita memang diiktiraf sebagai antara yang terbaik di kalangan negara dunia ketiga. Namun, berdasarkan fenomena yang ada, sistem pendidikan negara memerlukan piawaian baru yang lebih efektif. Sekolah bukannya kilang untuk menghasilkan manusia sebagai produk di pasaran pekerjaan, tetapi wajar berusaha untuk melahirkan insan yang berwibawa, berketerampilan dan kreatif.

Sistem pendidikan tidak wajar terperangkap dalam kurikulum lapuk yang merimaskan, tetapi wajar mempersiapkan diri untuk membolehkan kita berfikir dengan tuntas, bijak dan kreatif. Dalam proses pendakian untuk mencapai Wawasan 2020, ada anak remaja yang kurang berminat untuk belajar, kurang kesedaran dan malas membaca. Ini perlu dikaji untuk disesuaikan dengan realiti masa kini masyarakat kita. Masyarakat industri dan masyarakat globalisasi di mana peranan ibu bapa serta guru juga turut berubah.

Dalam konteks ini, pihak Kementerian wajar juga menyorot beberapa isu penting. Antaranya, sebarang reformasi pendidikan tidak akan berjaya tanpa sokongan para pengamalnya, iaitu para teknokrat dan birokrat pendidikan itu sendiri serta juga para pelaksananya, iaitu guru. Ertinya, segala persoalan yang berkait dengan guru sebagai agen pelaksana wajar dibareskan. Kebajikan-nya, kesejahteraan-nya, gajinya, kemudahan dan keselesaan tempat bekerjanya serta termasuk juga maruah para guru itu sendiri.

Apakah makna reformasi jika kanak-kanak sekolah rendah masih menggendong beg seberat 4 kilo setiap hari ke sekolah? Apa maknanya reformasi itu

jika keterampilan dan kualiti para guru hanya diukur daripada kejayaan para pelajar dalam peperiksaan? Mungkin profesion di dunia yang perlukan daya tahan dan tahap kesabaran luar biasa selain suri rumah tangga agaknya ialah guru.

Guru dituntut untuk memainkan jangkaan peranan yang luar biasa besarnya. Para guru diharap untuk melakukan keajaiban, menjadi tabib, pekerja sosial, pembimbing, penghukum dan sekali gus pemujuk rayu. Malah guru tetap menjadi sasaran segala dosa dan punca segala masalah sosial. Guru diharapkan untuk menjadi inovatif dan kreatif dalam senario yang hanya mengutamakan prestasi dan ukuran peperiksaan. Pada hal peperiksaan hanyalah salah satu daripada buah tangan akhir sistem pendidikan bukan matlamat utamanya.

Dalam situasi kaki dan tangan diikat, guru diminta untuk membetulkan disiplin. Guru sudah menjadi profesion yang mustahil dan tugas yang tendless. Di sekolah guru aktif dalam tugas perborangan dan pentadbiran jauh lebih banyak daripada mengajar. Tugas asasi para guru ialah mengajar. Fungsi dan tugas guru wajar dikembalikan kepada fungsi akar umbinya mendidik, membimbing dan mengajar. Di sinilah letaknya kepuasan maksimum untuk seorang guru itu. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ramainya! Semua ada peluang. Bandau.

4.22 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk terus mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang

di-Pertua Agong sempena Perasmian Parlimen Yang Kesembilan ini. Saya turut mengucapkan tahniah kepada Seri Paduka Baginda atas titah ucapannya yang menyeluruh dan mengandungi perkara-perkara yang penting mengenai tujuan dan tumpuan dasar dan program pembangunan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional atas kejayaannya dalam pilihan raya umum yang baru lalu. Harapan kita adalah kemenangan yang besar itu akan dipelihara dengan baik dan akan mewujudkan masa depan rakyat yang lebih cerah bagi rakyat jelata negara kita seperti mana yang telah dijanjikan kepada rakyat dalam manifesto Barisan Nasional.

Dengan kemenangan yang besar dan mendat kuat yang diperolehi itu, kita juga berharap supaya pihak kerajaan tidak menganggap dengan sewenang-wenangnya bahawa semua yang dilakukan oleh Kerajaan adalah sempurna dan tidak mempunyai kelemahan seperti mana pandangan yang diberi oleh beberapa pemimpin pihak Barisan Nasional iaitu sampailah di mana peranan Pembangunan itu tidak diperlukan di Dewan yang mulia ini.

Umum berpendapat sikap seperti ini iaitu sikap tidak sedia menerima teguran, kritikan, pandangan dan alternatif dalam proses pengubahan dasar negara amatlah dikesali dan ia bertentangan dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan pentadbiran yang lebih terbuka, berwawasan, efisien dan sebagainya. Mudah-mudahan sikap ini akan berubah sesuai dengan arus pembangunan, politik dan kewujudan proses demokrasi yang lebih matang seperti mana yang ingin dicapai oleh Kerajaan bagi rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Diraja telah mengutarakan pencapaian ekonomi negara Malaysia yang mana dijangka bertumbuh dengan kadar 8.9% pada tahun ini. Pihak Bank Negara telah pun mengeluarkan laporan bahawa pertumbuhan ekonomi negara pada penggal yang pertama tahun ini telah meningkat ke kadar 9.9% iaitu peningkatannya memuaskan. Pencapaian ini diterima dengan baik dengan harapan adanya pertumbuhan kadar yang tinggi, maka matlamat Kerajaan, matlamat pembangunan bagi semua sektor khususnya sektor sosial dapat dicapai dengan lebih berkesan.

Namun demikian, pihak Kerajaan haruslah diingatkan bahawa pembangunan sesebuah negara itu bukanlah sekadar berasaskan dan ditumpukan kepada pertumbuhan ekonomi negara semata-mata. Kita boleh mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dengan petunjuk-petunjuk ekonomi yang "impressive" dan mengagumkan, namun tidak dapat mencapai matlamat pembangunan yang sebenar. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, it is possible to have rapid economic growth and yet have no development. Kes seperti ini telah menjadi pengalaman di beberapa negara lain di mana kadar pertumbuhan ekonomi adalah memuaskan tetapi gagal dari segi mencapai pembangunan dalam bidang pembasmian kemiskinan serta pengurangan ketidakseimbangan pendapatan, jaminan keadilan sosial dan pemuliharaan budaya dan moral dan juga pemuliharaan alam sekitar. Memandangkan bahawa bidang-bidang seperti ini adalah tumpuan utama dasar-dasar Kerajaan, maka adalah wajar supaya Kerajaan tidak tertumpu semata-mata mencapai kadar pertumbuhan ekonomi

ke tahap dua angka, double-digit, dengan izin. We should not be over-possessed with our achieving double-digit growth sampai matlamat-matlamat pembangunan yang lain menjadi sekunder.

Tuan Yang di-Pertua, sementara ekonomi negara Malaysia terus bertumbuh dengan kadar yang memuaskan, keadaan ekonomi di beberapa negeri khususnya di negeri Sabah terus berada dalam tahap serba ketinggalan. Janji-janji Barisan Nasional untuk memulihkan ekonomi negeri Sabah masih belum menjadi kenyataan. Struktur, bentuk dan pertumbuhan ekonomi negeri masih dalam keadaan sedia kala walaupun pihak Barisan Nasional telah berjanji memulihkannya dalam rekod 100. Sudah hampir 600 hari Barisan Nasional memerintah negeri Sabah, namun belum ada yang ketara atau baru dari segi pembangunan yang dijanjikan dalam dokumen "Sabah Baru".

Dari segi ekonomi, Tuan Yang di-Pertua, belum ada perubahan lagi yang seperti diidam-idamkan. Struktur ekonomi masih sama. Ia berasaskan kepada pengeluaran hasil hutan dan usaha-usaha baru untuk menambah nilai pengeluaran balak tidak ada, bahkan banyak kilang-kilang yang ditutup kerana bekalan kayu balak dibolot oleh beberapa kilang pemprosesan yang besar. Syarikat Pacific Hardwoods misalnya, kepunyaan Yayasan Sabah (SESB) turut menghadapi masalah kekurangan sumber balak untuk diproses kerana kawasan kayu balak yang dahulunya dipunyai oleh Yayasan Sabah untuk membekal anak syarikat ini telah dibeli oleh pihak swasta melalui proses yang telah pun dipersoalkan oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi telah diharapkan akan mencapai kadar tiga atau lima kali tinggi daripada

apa yang dicapainya dalam masa Kerajaan PBS di masa-masa yang lampau iaitu daripada 3% ke 8%, iaitu kadar yang setahap dengan kadar pertumbuhan ekonomi negara. Dengan adanya "government spending" melalui pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, jambatan, bekalan air, elektrik, pembangunan sekolah dan lain-lain, malangnya penunaian kepada janji-janji tersebut belum menjadi kenyataan dan dengan itu ekonomi negeri terus berada dalam keadaan sedia kala.

Tuan Yang di-Pertua, secara kasar, selain daripada fakta bahawa Kerajaan di Sabah adalah baru, belum ada pembangunan baru yang ketara selain daripada projek-projek sambungan yang telah dimulakan oleh Kerajaan PBS dahulu. Yang baru adalah "kereta-kereta Ninja" yang banyak dipunyai oleh pemimpin-pemimpin muda Barisan Nasional, pejabat-pejabat baru Menteri-menteri dan penyelewengan luas dari segi pelaksanaan projek kecil dan sederhana di peringkat daerah iaitu projek-projek yang tidak siap ataupun projek-projek yang tidak dilaksanakan dengan betul. Pejabat-pejabat daerah dan pejabat-pejabat pembangunan Persekutuan telah gagal mengawasi pelaksanaan projek-projek ini kerana walaupun pelaksanaan kelihatan tidak menurut "work order", bayaran kepada kontraktor-kontraktor tetap diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh khusus, di kawasan Bandau ada sebuah jalan raya iaitu Jalan Bunsadan di Pekan Kota Marudu yang diluluskan untuk diaspal pada tahun 1995 ini, dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan dan pejabat daerah, dengan

peruntukan kira-kira RM1.2 juta. Aneh sekali kerja pengaspalan dimulakan dari hujung sebelah pedalaman, walaupun jalan raya ini yang kira-kira 3 km. panjangnya adalah bermula daripada kawasan pekan tersebut. Sebabnya ialah di hujung sebelah pekan jalan raya tersebut adalah terletak banyak perumahan penyokong-penyokong Parti Bersatu Sabah.

Pada masa ini, kerja pengaspalan jalan raya tersebut telah berhenti kerana mengikut maklumat, peruntukan tidak mencukupi. Maka jalan raya tersebut kelihatan aneh, sebelah bukit diaspal, tetapi sebelah pekan masih gravel dan pelaksanaan pun tidak sempurna kerana tidak rata dan kelihatan berombak-ombak. Saya merayu kepada pihak Kementerian Kerja Raya supaya menyiasat perkara ini dengan segera dan mengambil tindakan atas dasar akauntabiliti dan keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara moral dan etika telah diberatkan dalam Ucapan Diraja. Sememangnya hal ini adalah penting memandangkan jika masyarakat maju dari segi ekonomi tetapi mundur dari segi etika dan moral maka masyarakat tersebut adalah semata-mata kita boleh sebut sebagai satu bubble community iaitu komuniti yang lemah, tidak mungkin mantap, maju dan senang jatuh. Maka usaha menanamkan prinsip, etika dan moral kepada insan hendaklah dimulakan dari awal lagi iaitu di peringkat keluarga dan sekolah. Untuk tujuan ini, pendidikan moral dan pendidikan kewarganegaraan yang dilaksanakan mulai tahun 90-an itu haruslah dikaji semula dan diubah suai sebagai satu langkah menanam semangat pentingnya prinsip dan sikap beretika serta membentuk semangat setia dan cinta kepada negara.

Dalam hal ini, peranan golongan dewasa dan ibu bapa untuk menanam semangat seperti ini adalah penting sekali khususnya pemimpin-pemimpin politik sebagai pemimpin-pemimpin utama dalam masyarakat haruslah menjadi contoh kepada rakyat dan golongan muda seperti murid-murid sekolah dan anak-anak dari segi sikap beretika, berprinsip, bermoral dalam hidup harian.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dikesali bahawa mengikut segelintir pemimpin-pemimpin politik di negara ini dari segi menjadi contoh kepada masyarakat dalam hal keprinsipan dan etika politik, tidak boleh dibanggakan. Apa yang telah terjadi di Sabah telah menjadi sejarah di mana satu Kerajaan yang dipilih oleh rakyat melalui proses demokrasi telah kehilangan kuasa kerana tindakan lompat-melompat oleh pemimpin-pemimpin politik untuk kepentingan mereka sendiri. Kita merasa berterima kasih kepada rakyat kerana hampir semua daripada mereka ini tidak ada lagi dalam Dewan yang mulia ini membuktikan bahawa rakyat tidak setuju dengan tindakan dan sikap mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa cabaran nombor 4 dalam dokumen Wawasan 2020 adalah membentuk masyarakat yang bertanggungjawab, beretika, bermoral tinggi serta kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bahawa pemimpin-pemimpin politik yang lompat katak ke parti lain tidak boleh diharap, maka saya bercadang supaya parti-parti politik khasnya Barisan Nasional membentuk satu code of ethics, dengan izin, kod etika bagi pemimpin-pemimpin politik.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ada bangun.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Speaker, masa begitu singkat sekali, jadi saya ingin teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak beri jalan, teruskan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Lain kalilah, lain kalilah. Antara isi kandungan kod etika tersebut ialah bahawa Wakil-wakil Rakyat yang lompat ke parti lain tanpa merujuk kepada rakyat melalui proses pilihan raya, tidak diterima oleh mana-mana politik kerana tindakan seperti itu adalah bertentangan dengan matlamat Wawasan 2020 dan mencemar nama baik sesuatu parti yang ingin dia masuki. Saya percaya cadangan ini akan diterima sebulat suara oleh masyarakat umum, sesuai dengan keinginan rakyat untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penduduk luar bandar yang ada kaitan terus dengan kualiti hidup mereka ialah hal permohonan kad pengenalan khasnya di Sabah dan Sarawak. Masalah ini timbul kerana mereka tidak mempunyai sijil kelahiran. Bagi penduduk tersebut mengurus permohonan sijil kelahiran dan kad pengenalan adalah sukar sekali kerana sebagai penduduk yang miskin terletak jauh dari bandar, mereka menghadapi masalah kewangan. Kita sedia maklum bahawa bagi mereka yang tidak

mempunyai kad pengenalan mereka terus tertinggal lebih jauh dari sosio ekonomi kerana perkara-perkara seperti tidak dapat kelulusan permohonan tanah, ASB atau ASN, bantuan orang tua, subsidi pertanian dan sebagainya tidak dapat diperolehi.

Dengan itu, saya ingin merayu kepada pihak Kerajaan supaya memperluaskan program lawatan Jabatan Pendaftaran Negara ke kawasan-kawasan luar bandar khasnya di Sabah dan Sarawak untuk memproses permohonan sijil kelahiran dan kad pengenalan baru. Masalah kekurangan kakitangan dan peruntukan yang kurang untuk perjalanan pegawai-pegawai ke luar bandar sering kali dijadikan alasan oleh Jabatan Pendaftaran Negara untuk tidak menjalankan lawatan-lawatan khas ini.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Bandau sahaja daripada penduduk yang berjumlah 45,000 pihak kita telah membuat anggaran kira-kira 5,000 daripada mereka tidak mempunyai kad pengenalan kerana masalah sijil kelahiran dan tidak mampu untuk mendapatkan kad pengenalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung. Masa berjalan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Mohon maafkah tidak ada masa Tuan Speaker, nanti lain kali. Tuan Yang di-Pertua.....

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Belum lagi Yang Berhormat yang lain. (*Ketawa*)

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Jadi, Tuan Speaker saya ingin meminta supaya tindakan-tindakan akan terus diambil kira.

Satu lagi perkara, Tuan Speaker, dalam Titah Ucapan Diraja adalah masalah pendidikan. Saya ingin supaya Kementerian Pendidikan mengambil kira khususnya di kawasan Bandau di mana jumlah penduduknya yang besar dan miskin di dua tempat, di kampung kawasan Gana dan kawasan Sungai Magandai di mana penduduk di sana terpaksa membayar sendiri, lepasan Tingkatan 5 untuk mengajar kelas Darjah 1 dan 2 di balai raya kerana belum ada tindakan diambil oleh Jabatan Pendidikan di dalam perkara ini.

Maka dengan itu, Tuan Speaker, terima kasih di atas peluang yang ada dan mudah-mudahan sumbangan ini diambil kira oleh Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Lanang.

4.38 ptg.

Tuan Tiong Thai King (Lanang): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah berlangsung pada 8hb Jun 1995 ketika perasmian Penggal Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ikhlas hati saya turut menyokong usul mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Ke Bawah Duli kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda.

Pertama, izinkanlah saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam kemenangan cemerlang Barisan Nasional baik bagi Pilihanraya Parlimen atau Pilihanraya Negeri dalam Pilihanraya Umum 1995. Kemenangan cemerlang ini mencerminkan bahawa rakyat Malaysia berbagai kaum menyokong penuh kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana rakyat selama ini hidup dalam aman, damai dan harmoni, menyaksikan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan menikmati hasil usahanya. Moga-moga di bawah pimpinan Barisan Nasional rakyat berbagai kaum akan terus bersatu padu, berusaha bersama dengan gigih ke arah mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit sebanyak tentang pembangunan tempatan. Dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Tuan Robert Lau dari kawasan Sibu pernah menyebut.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, biasanya nama Ahli yang lain jangan disebut, sebut nama kawasan sahaja.

Tuan Tiong Thai King: Minta maaf. Saya hendak menyentuh sedikit sebanyak tentang pembangunan tempatan. Kami pernah diberitahu jambatan merintangi Sungai Rajang akan disiapkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Rakyat terus berharap agar projek akan dilancarkan seperti mana yang dijanjikan. Pembinaan dan penyediaan

rangkaian komunikasi amat penting bagi merangsang pembangunan ekonomi di negeri Sarawak. Dengan terbinanya Jambatan Durin, perhubungan Bahagian Sibu dengan Bahagian-bahagian lain akan lebih mudah dan kawasan-kawasan sekitar serta yang terletak di dua belah sepanjang jalan Pan-Borneo kerana itu juga akan dibuka perlahan-lahan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat berasa gembira Kerajaan kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir telah mengambil sikap terbuka dan bijak terhadap pendidikan dengan memperuntukkan wang kepada sekolah-sekolah menengah persendirian untuk pendidikan, sains dan teknologi dengan membenarkan institusi pengajian tinggi atau universiti swasta serta menggalakkan kanak-kanak kita selain menguasai bahasa Kebangsaan, mempelajari bahasa lain termasuk bahasa Mandarin dan sebagainya. Memandang perkembangan baru ini boleh dijangkakan bilangan murid sekolah rendah jenis kebangsaan Cina akan bertambah setiap tahun. Kerana itulah demi melahirkan lebih ramai warga yang boleh menguasai banyak bahasa, termasuk bahasa Mandarin, Kerajaan kita harus menimbang menambah peruntukan setiap tahun untuk perbelanjaan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina baik bagi belanja mengurus dan pentadbiran ataupun pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada satu fenomena yang membimbangkan mengenai sekolah-sekolah rendah di kawasan luar bandar atau pendalaman. Selalu terdapat sekolah-sekolah rendah di kawasan itu berkurangan segala kemudahan, boleh dikatakan serba

kurang. Dengan kerana itu, guru-guru terutama yang baru tamat latihan atau yang berkualiti tidak mahu ditugaskan di sekolah-sekolah rendah tersebut itu. Jadi, mutu atau pencapaian murid-murid dalam pembelajaran akan rendah jika dibandingkan dengan murid-murid di bandar. Maka saya berharap Kerajaan terutama Kementerian Pendidikan harus membuat kajian terhadap masalah ini mencari cara-cara bagi mengatasi segala kesulitan dan meninggikan kadar pencapaian murid-murid luar bandar.

Banyak perbincangan tentang pen-swastaan universiti tempatan. Sekarang kita belum tengok ada manfaat dari pelaksanaan dasar itu tetapi sebaliknya pelajar-pelajar kita dan ibu bapa-ibu bapa mereka nampak akan menerima bahagian yang paling berat daripada memikul beban bagi anak-anak mereka menerima pendidikan tinggi atau universiti. Peruntukan dan persediaan kemudahan pendidikan dari awal hingga universiti adalah tanggungjawab Kerajaan dan biayai dari pungutan cukai dan dari pembayar cukai.

Kerajaan kita harus terus memperuntukkan kemudahan pendidikan itu kepada pelajar-pelajar kita dengan membolehkan mereka yang berkeelayakan tanpa mengira apa kaumnya masuk ke universiti tempatan melanjutkan pendidikan tinggi mereka masing-masing tanpa menanggung perbelanjaan yang besar. Dengan begitu, banyak tenaga manusia yang berpengetahuan tinggi atau berteknologi atau berkemahiran dalam apa sahaja bidang akan boleh dilahirkan setiap tahun bagi memenuhi keperluan pembangunan nasional dalam usaha ke arah mencapai Wawasan 2020.

Selain dari itu, memang bijak Kerajaan kita mengambil dasar terbuka untuk membenarkan penubuhan universiti-universiti swasta serta universiti luar membuka kampus-kampus atau mengendalikan kursus-kursus berkembar di negara kita bagi memudahkan pelajar-pelajar kita mendapat banyak peluang menerima pendidikan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Kerajaan terutama Kementerian Kesihatan kepada sebuah berita tentang perkembangan perubatan di Australia. Dikatakan sebuah pusat Telemedicine akan dibina di Perth. Pusat ini akan menyediakan atau membekalkan maklumat-maklumat diagnostic dan tafsiran terhadap ujian-ujian yang tidak menyerang (non-invasive test), minta maaf, neurology, cardio, orthopaedics dan pediatic dan sebagainya. Maklumat-maklumat perubatan boleh diperolehi melalui satelit.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu mendapati kekurangan doktor-doktor pakar perubatan dan juga kelengkapan yang canggih. Maka demi kesejahteraan dan kepentingan pesakit, saya berharap Kerajaan dapat menghubungi pihak berkenaan supaya kita, terutama Jabatan Perubatan dapat perkhidmatan klinikal dan perubatan moden ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang perkhidmatan bomba di Bahagian Sibul. Perkembangan perkhidmatan bomba di Bahagian Sibul tidak selari dengan perkembangan dan pembangunan Bandar Sibul. Dalam tempoh hampir 20 tahun yang lalu, bilangan penduduk bertambah dengan pesatnya dan rumah-rumah pun dibina

berturut-turut. Maka memandang keadaan perumahan yang begitu sesak, saya meminta sebilangan wang harus diperuntukkan untuk mengembangkan perkhidmatan bomba di Bahagian Sibul.

Sekian sahaja, sekali lagi saya menyokong usul mengucapkan Junjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Seremban.

4.48 ptg.

Dato' Hon Choon Kim (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut membahaskan usul yang dibawa iaitu Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda, Seri Paduka Baginda telah bertitah bahawa pada pilihanraya umum yang sudah rakyat dengan jelasnya telah menolak politik perkauman yang sempit dan fanatik agama. Parti-parti Pembangkang harus menerima hakikat ini dan jangan salahkan pihak-pihak atas kegagalan mereka dalam pilihanraya umum. Parti-parti Pembangkang menuduh media massa dan Barisan Nasional melakukan sesuatu yang menyebabkan parti Pembangkang kalah dalam beberapa kerusi. Ini tidak berasas sama sekali. Apa yang benar ialah rakyat telah letih tentang gaya politik yang diamalkan oleh parti-parti Pembangkang. Rakyat tidak lagi mahu terima parti-parti politik yang

mengamalkan sikap NATO, dengan izin, 'No Action Talk Only'. Tambahan pula rakyat tidak mahu seorang Robocop untuk memimpin dan memerintah negara kita. Ini kerana Robocop ini bukan insan yang mempunyai perasaan kemanusiaan, sifat murni untuk mendatangkan manfaat kepada rakyat dan negara kita. Oleh kerana itu, terimalah keputusan dengan hati terbuka dan yang berjaya haruslah melakukan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya bahawa Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri serta Menteri-menteri akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi pembangunan sosial dan kemajuan masyarakat untuk negara kita.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah berjaya untuk mencatat satu pertumbuhan ekonomi yang begitu baik, yang begitu memberansangkan.

Sebenarnya, pemimpin dari negara-negara lain telah menyifatkan bahawa apa yang kita capai ialah sebagai kejayaan yang ajaib atau satu miracle. Ini kerana negara kita ini telah memperolehi kadar pertumbuhan ekonomi begitu baik sampai 8% atau 9% berterusan 8 tahun berturut-turut.

Kejayaan yang kita perolehi bukan diwujudkan dengan sendirinya, Tuan Yang di-Pertua. Ia memang melalui perancangan yang baik, usaha yang gigih serta pimpinan yang efisien. Faktor lain yang penting ialah kestabilan politik yang kita nikmati, yang kini meyakinkan lebih ramai pelabur untuk datang ke negara kita ini.

Untuk memastikan bahawa pembangunan ekonomi berterusan, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh beberapa sektor penting, iaitu sektor perindustrian, sektor perkhidmatan dan sektor pertanian.

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan kerana telah berjaya untuk memajukan sektor perindustrian ini. Ramai orang tidak yakin apabila kita bercakap untuk membuat kereta Malaysia pada satu ketika dahulu. Tetapi kini melalui usaha yang gigih dan sikap 'yakin boleh', kita telah membuktikan bahawa kereta Proton adalah kereta yang paling popular di dalam dan di luar negara.

Saya menyokong Kerajaan mengutamakan industri berteknologi tinggi dan canggih, kerana ia akan bertambah daya persaingan di pasaran antarabangsa. Saya juga bercadang Kerajaan memberi galakan untuk mewujudkan kilang-kilang yang tidak bergantung kepada tenaga manusia, tetapi akan berasaskan kepada "capital intensive", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, di samping memberi penekanan kepada industri berat, Kerajaan harus juga memberi perhatian dan bantuan kepada industri kecil atau SMI. Banyak masalah yang dihadapi oleh SMI masih belum diselesaikan. Antara lain masalah yang dihadapi oleh SMI ialah kekurangan modal, kekurangan maklumat pasaran, masalah tapak kilang yang haram dan kadang-kala tidak memenuhi syarat-syarat Jabatan Alam Sekitar dan Kerajaan Tempatan.

Dalam sektor perkhidmatan, saya rasa gembira kerana Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang perlu dan efisien untuk meningkatkan lagi sektor ini.

Sebenarnya prospek pertumbuhan bagi sektor ini adalah cerah. Permintaan perkhidmatan komputer, perkhidmatan kewangan dan pelancongan mesti akan bertambah apabila Malaysia melangkah ke abad 21. Saya juga perhatikan bahawa Kerajaan telah berusaha untuk menarik lebih ramai pelancong datang ke negara kita ini. Bilangan pelancong juga bertambah dari tahun ke tahun. Semua ini menunjukkan bahawa program-program dan kempen-kempen yang dilaksanakan oleh Kementerian yang berkenaan adalah berjaya.

Program Tahun Melawat Malaysia 1996 dijangka menarik 7 juta pelancong dan akan membawa hasil sebanyak RM6 bilion. Jumlah selanjutnya tentu akan meningkatkan perniagaan lain seperti perkhidmatan pengangkutan, hotel, makanan dan lain-lain lagi. Untuk pelancong yang datang dari luar negeri, kerajaan harus menentukan bahawa mereka dilayan dengan baik oleh pegawai-pegawai khususnya pegawai kastam dan imigresen. Pada hemat saya pegawai-pegawai ini merupakan orang yang pertama bersemuka dengan pelancong. Ini akan membawa imej yang baik kepada pelawat asing itu.

Tuan Yang di-Pertua, pertanian juga merupakan asas dan nadi pembangunan ekonomi negara. Tanaman pokok getah dan kelapa sawit adalah merupakan tanaman yang terkenal di seluruh dunia. Dalam sektor ini kita masih menghabisi masalah tanah terbiar. Banyak usaha telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan tanah terbiar ini, tetapi malangnya ramai tuan-tuan tanah tidak mahu memberi sambutan dan kerjasama yang diharap-harapkan.

Dalam soal penggunaan tanah untuk pertanian, Kerajaan perlu memberi perhatian untuk memastikan bahawa ada cukup tanah untuk menanam sayur-sayuran.

Saya perhatikan bahawa banyak tanah-tanah dahulunya digunakan untuk tanaman sayur-sayuran telah dimajukan sebagai tapak perumahan dan perindustrian.

Di kawasan Parlimen saya Kampung Baru Sikamat dahulunya adalah merupakan satu kampung yang mempunyai pertanian yang terkenal. Ianya memberi atau membekal sebahagian sayur-sayuran dan buah-buahan untuk pasaran bandar Seremban, akan tetapi kini telah menjadi satu kawasan kediaman dan taman perumahan.

Saya bercadang Kementerian Pertanian harus mengenal pasti tanah gantian supaya bekalan hasil tanaman dan makanan tidak akan kekurangan dan harganya dapat kita kawal.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sangat gembira kerana Kerajaan begitu perhatian dan mengambil langkah untuk membela nasib rakyat yang berpendapatan rendah. Untuk tujuan ini, Kerajaan mempunyai program untuk membina rumah rakyat khususnya untuk rakyat yang berpendapatan rendah.

Baru-baru ini Kerajaan telah melaksanakan satu lagi program untuk membina rumah pangsa untuk disewa kepada rakyat yang tidak mampu untuk membeli rumah sendiri.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian kerana telah meluluskan untuk membina satu projek rumah pangsa ini di kawasan

saya. Ini sudah tentu akan memberi peluang perlindungan kepada ramai orang dan keluarga mereka. Di samping itu, saya juga berharap Kerajaan juga dapat memberi peruntukan iaitu peruntukan khas untuk kerja-kerja penyelenggaraan rumah-rumah pangsa, rumah-rumah rakyat yang telah dibina berpuluh-puluh tahun yang sudah.

Saya ingin memberi satu contoh di sini, iaitu Rumah Pangsa Jalan Templer, Seremban. Rumah pangsa ini dibina pada 27 tahun dahulu. Dalam tempoh ini walaupun Kerajaan Negeri ada memberi peruntukan untuk menyelenggarakan dari semasa ke semasa. Namun begitu, masih banyak kerja penyelenggaraan yang perlu dilaksanakan seperti cat semula dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membentuk sebuah masyarakat penyang, pada pandangan saya sifat penyang yang ini juga harus dipanjangkan kepada mereka yang telah pergi. Mereka juga perlu perumahan iaitu 'kubur'. Mengikut Akta Kerajaan Tempatan ini merupakan tanggungjawab Kerajaan Tempatan untuk menyediakan tempat bagi tujuan tanah perkuburan. Di beberapa tempat, saya perhatikan tanah perkuburan telah semakin lama semakin kurang. Oleh itu, saya memohon pihak Kerajaan dapat memberi perhatian atas isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sering dengar tentang kekurangan bilangan guru untuk berkhidmat di sekolah. Beberapa sebab telah dihuraikan, antaranya ialah gaji atau imbuhan yang tidak menarik. Saya bercadang Kerajaan memberi perhatian kepada perkara ini dan jika didapati benar, Kerajaan harus mengkaji langkah-langkah untuk mengatasi per-

kara ini supaya ianya tidak menjadi batu halangan negara menuju ke arah negara maju dan makmur.

Saya juga perhatikan bahawa masalah kesesakan sekolah adalah merupakan satu masalah yang bertambah serius. Oleh yang demikian, saya berharap pihak Kerajaan perlu memberi pertimbangan untuk membina lebih banyak kelas-kelas sekolah atau sekolah-sekolah baru khususnya di taman-taman perumahan baru.

Untuk mengatasi masalah kesesakan sekolah ini, terdapat banyak sekolah telah berusaha dengan sendirinya untuk mengutip derma bagi membina kelas-kelas tambahan. Untuk mendapatkan pengecualian cukai bagi penderma ini, pihak sekolah menghadapi banyak kesulitan untuk mendapatkan kelulusan. Saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan akan memberikan perhatian atas perkara ini dan meluluskan permohonan yang dikemukakan ini dengan lebih cepat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hulu Langat.

5.01 ptg.

Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz (Hulu Langat): Assalamualaikum dan selamat petang. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan untuk saya orang baru, datang pula dari hulu, iaitu Hulu Langat untuk sama-sama membahaskan Usul Menjunjung Kasih terhadap Titah Ucapan Seri Paduka Baginda pada 8hb Jun yang lalu. Bagi kesempatan ini juga, saya seperti rakan-rakan Yang Berhormat yang lain mengucapkan tahniah

dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya kerana berjaya memimpin kita semua dalam Barisan Nasional mencapai kejayaan cemerlang dalam pilihan raya yang baru lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan pada tarikh 8hb Jun itu, iaitu tarikh perasmian Dewan kita, Seri Paduka Baginda telah menyentuh tentang betapa bijaknya para pengundi membuat pilihan dalam pilihanraya umum yang lalu. Sesungguhnya para pengundi dan rakyat Malaysia memang bijak. Kita semua bijak mengamalkan prinsip demokrasi dan kita berjaya memantapkan proses demokrasi yang kita sendiri amalkan.

Demokrasi dan kebebasan adalah dua perkataan yang berbeza tetapi maknanya adalah berkaitan. Demokrasi dan kebebasan yang diberikan adalah suatu keistimewaan kepada setiap pihak, namun kebebasan berkenaan bukanlah mutlak sehingga setiap seorang boleh melakukan apa sahaja yang mereka inginkan. Atas prinsip inilah saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak media di negara ini kerana bukan sahaja telah berjaya menyampaikan berbagai maklumat tetapi juga telah menghebahkan banyak perancangan Kerajaan untuk masa depan rakyat.

Yang menghairankan kita ialah perihal parti-parti Pembangkang yang memomok-momokkan pihak media. Pada satu ketika, parti Pembangkang menjadi jaguh untuk menegakkan kebebasan bersuara dan kebebasan media. Merekalah yang kedepan menghentam Kerajaan kerana kononnya mengongkong media. Kata mereka media tidak

bebas bersuara tetapi kini mereka jugalah yang menghentam media kembali, dengan alasan telah berpihak kepada Kerajaan sehingga menyebabkan mereka tewas di banyak kawasan dalam pilihanraya umum yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, ini sungguh menghairankan. Ada dua perkara yang parti Pembangkang harus halusi. Pertama, tahukah mereka erti kebebasan yang diperjuangkan; dan yang kedua, demokrasi apakah yang mereka agung-agungkan?

Atas prinsip demokrasi, pihak media mempunyai kebebasan untuk melaporkan apa-apa juga yang mereka fikirkan wajar tanpa menjelaskan perkara-perkara yang tidak sepatutnya. Pihak media di negara ini dikuasai oleh tokoh-tokoh yang bukan calang-calang. Mereka mempunyai banyak pengalaman di samping kelulusan tinggi dan berfikiran jauh. Dengan kriteria-kriteria sedemikian, pengarang-pengarang akhbar bukanlah orang yang tidak berkemampuan. Mereka mengetahui apa yang baik dan apa yang tidak. Cuma parti-parti Pembangkang sahajalah yang mempunyai pendirian yang amat berbeza dan menghairankan. Apa-apa yang dilaporkan oleh media dilihat sebagai tidak baik. Yang peliknya pula, apa-apa juga yang dilaporkan oleh media di bawah kongkongan mereka dianggap baik. Di sinilah nampaknya double standard, dengan izin, yang diamalkan oleh parti Pembangkang.

Selama in DAP menggunakan khidmat media dengan banyak sekali. Kadang-kadang sampai sepuluh kenyataan akhbar (press release) yang dihantar. Sebagai orang media dahulu — selama 11 tahun — saya amat mengeta-

hui bahawa kadang-kadang apabila tidak ada bahan, kita pakai juga, kerana ada 'news value' nya. Bagi media, jika ada nilai berita, pasti akan disiarkan. Begitulah juga dengan pihak Kerajaan. Tokoh-tokoh politik juga adalah sumber berita.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Ahli Parit Sulong bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Silakan. Dia sahabat saya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, syabas kepada seorang lagi 'media practitioner' yang masuk dalam Dewan. Saya mengalu-alukan. Keduanya, saya ingin bertanya, apabila Yang Berhormat melayani siaran berita daripada pihak Pembangkang, adakah Yang Berhormat 'manipulate' siaran berita itu sehingga terkeluar dari maksud yang diperlukan oleh pihak Pembangkang?

Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Sebenarnya, Yang Berhormat dari Parit Sulong ini tahu jawapannya. Dia pun datang dari media juga. Tetapi yang kita siarkan, seperti yang saya katakan tadi ialah yang ada nilai berita. Kalau tiada, kita masukkan juga, tetapi masuk bakul sampah!

Ketika kenyataan-kenyataan DAP dan Pembangkang lain disiarkan, mereka tidak pernah mengucapkan terima kasih kepada media. Tetapi apabila media tidak menyiarkan hasrat mereka, mereka menganggap media berpihak kepada kerajaan. Kepada parti-parti Pembangkang, sedarlah. Media sebenarnya menjalankan amalan demokrasi dan kebebasan

akhhbar. Akhhbar bebas untuk melaporkan apa yang mereka fikir perlu. Akhhbar juga menurut amalan demokrasi, bebas untuk berpihak kepada mana-mana pihak yang ia suka. Ini juga diamalkan oleh akhhbar-akhhbar yang ditaja oleh parti-parti Pembangkang. *Harakah* ber-kiblatkan ke PAS manakala *Roket* pula bertuankan DAP. Apakah isi kandungan *Harakah*? Tidak lain ialah masuk bakul angkat diri sendiri. Yang mereka buat adalah yang baik-baik belaka. Yang semua orang kata tidak baik, *Harakah* kata baik juga.

Begitu jugalah dengan *Roket*. Sesuai dengan namanya, sasarannya ialah menembak Kerajaan dan parti pemerintah sahaja. Kerajaan sedar tentang perkara ini tetapi atas nama demokrasi, akhhbar-akhhbar berkenaan dibiarkan terus berada di pasaran.

Semasa pilihan raya, banyak akhhbar utama melaporkan tentang kejayaan projek pembangunan. Oleh kerana pembangunan adalah perjuangan Kerajaan dan parti Barisan Nasional, parti-parti Pembangkang membuat tohmahan kononnya akhhbar berat sebelah. Mereka tidak pernah melihat pada diri sendiri. Lihatlah apa yang dilaporkan oleh *Roket* dan *Harakah*. Selain daripada menghentam, ialah laporan-laporan yang memprojekkan tokoh-tokoh mereka sahaja. Sebenarnya akhhbar-akhhbar utama yang dicap sebagai pro-Kerajaan hanya menjalankan tugas. Kebetulan tugas-tugas yang dijalankan oleh akhhbar itu selari dengan tugas dan amalan Kerajaan. Sekiranya laporan-laporan akhhbar adalah selari dengan.....

Tuan Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ya? Ada yang bangun. Hendak beri jalan? Ahli Yang Berhormat Pengkalan Chepa yang bangun.

Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Pengkalan Chepa? Oleh kerana masa ataupun kalau ada penjelasan nanti, kita buat satu muzakarah. Minta maaf?

Sekiranya laporan-laporan akhbar adalah selari dengan hasrat Pembangunan, tentulah akhbar tidak dianggap berat sebelah. Sebaliknya dikatakan mengamalkan kebebasan tanpa niat membela pihak akhbar, walaupun Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri yang mengada-adakan mengatakan saya melakukan sedemikian, saya terus mengucapkan syabas kepada mereka. Teruskanlah laporan-laporan yang baik, banyakkanlah laporan-laporan yang berbentuk pendedahan, bukan sahaja mendedahkan tentang penyelewengan yang nyata dan tidak nyata serta memberikan maklumat dan teguran yang bernas tetapi juga dedahkanlah perkara-perkara yang berlaku secara sulit dan eksklusif termasuk apa yang berlaku di dalam ruang-ruang yang tertutup dan terkunci.

Tuan Yang di-Pertua,..... (*Disampuk*) saya tidak mahu sebut. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat lain sebut, fahamalah!

Dalam menyokong Usul Ucapan Terima Kasih ini, saya juga ingin menyentuh tentang perihal tanggungjawab menyediakan rumah terhadap rakyat, khususnya rakyat termiskin.

Kita mengucapkan syabas kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah mengambil ber-

bagai langkah untuk menambah bilangan unit rumah kediaman untuk rakyat. Peranan pihak swasta, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat juga amat terpuji. Namun di sebalik keghairahan menyediakan perumahan banyak pihak terlupa tentang perlunya menyediakan kediaman kekal yang saiznya kecil sahaja iaitu 6x4x6. Yang saya maksudkan ialah tanah perkuburan.

Pihak pemaju hanya menyediakan rumah kerana rumah perlu dibayar dan mendatangkan keuntungan. Kubur sebaliknya tidak begitu. Kalau pun dijual, harganya tidaklah seberapa tinggi. Barangkali kerana itulah pemaju tidak berminat menyediakan tanah perkuburan. Di kawasan saya di Hulu Langat terdapat bandar baru yang dinamakan Bandar Baru Bangi yang dihuni oleh lebih 20,000 orang penduduk, tetapi sekaki pun tanah kubur tidak disediakan oleh pemaju. Akibatnya sekarang sayalah yang menanggung. Kebetulan saya duduk di kawasan itu, saya yang terpaksa mencari tanah perkuburan. Mereka yang meninggal terpaksa dikebumikan di tempat lain. Malangnya di tempat berkenaan kini sudah pun 'housed', dengan izin. Barangkali apabila sampai masanya nanti, untuk saya berbadan besar ini pun sudah tidak ada tanah lagi.

Saya percaya banyak lagi kawasan pertumbuhan baru yang mengalami nasib yang sama. Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar pihak Kerajaan mensyaratkan setiap pemaju bandar-bandar baru menyediakan tapak perkuburan kerana tanah perkuburan yang disediakan oleh pihak Kerajaan semakin terhad seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Seremban tadi. Kita khuatir suatu masa nanti kita

terpaksa pula membuat kubur berbentuk kondo atau bertingkat-tingkat. Pihak pemaju janganlah sekadar mementingkan keuntungan dan wang ringgit sahaja. Mereka hendaklah turut memikirkan tentang tanggungjawab sosial masing-masing. Ingatlah, setiap yang naik akan turun, setiap yang segar akan layu, dan setiap yang hidup pasti akan mati. Oleh itu sediakanlah rumah sementara, sediakanlah juga rumah yang sejati.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang penggunaan Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia. Buat masa ini penggunaan Bahasa Malaysia agak lintang-pukang dan huru-hara. Bacalah di akhbar, dengarlah dari Radio dan TV. Banyak sekali perkara aneh yang berlaku dalam bahasa ibunda kita. Sekadar contoh, saya ambil beberapa petikan ayat. Umpamanya Dr. Mahathir berkata: "Tindakan itu ialah kuasa parti dan tidak boleh dicabar sesiapa jua walau di mahkamah sekali pun". Dalam ayat ini, kata sambung "oleh" telah ditinggalkan. Yang sepatutnya ada di antara "dicabar" dan "sesiapa" telah digugurkan. Sepatutnya frasa berkenaan berbunyi: "Tidak boleh dicabar oleh sesiapa", bukannya "tidak boleh dicabar sesiapa".

Ayat kedua, "Beliau mendedahkan ada ahli UMNO yang merasa kecewa kerana tidak dipilih bertanding dalam pilihan raya yang lalu, bertindak menentang calon-calon baru yang dipilih parti". "Yang dipilih parti" sepatutnya berbunyi, "yang dipilih oleh parti". Demikianlah banyaknya contoh. Satu lagi contoh yang hendak saya kata ialah yang saya baca juga di dalam akhbar, "Tan Sri Zahir Ismail dilantik semula Speaker Dewan Rakyat". Kata sambung "seba-

gai" telah gugur. Di akhbar dibaca begitu, di TV dan di radio pun dibaca begitu. Kesalahan-kesalahan ini amat membimbangkan kita. Barangkali contoh-contoh yang saya bawa ini sukar untuk difahami, tetapi kita harus mengambil berat. Sesungguhnya "Bahasa adalah Jiwa Bangsa". Jika rosak bahasa hilanglah identiti bangsa.

Saya berharap dua agensi media Kerajaan, iaitu RTM dan BERNAMA akan mengambil berat tentang perkara ini. Janganlah nanti mereka pula yang menjadi penyebar kepada kesalahan-kesalahan berbahasa. Orang yang mahir dalam bidang bahasa harus mendapat tempat di RTM dan BERNAMA serta pihak media yang lain. Ini penting, kerana gejala ini memberi kesan kepada anak-anak kita yang menduduki peperiksaan di sekolah dan juga di universiti. Setiap kesalahan akan dipotong markah. Inilah bahayanya. Jika gejala ini tidak dibendung dengan cepat, yang menjadi mangsa adalah calon-calon peperiksaan. Mereka disogokkan oleh akhbar, radio dan TV dengan pembinaan struktur ayat yang tidak betul. Apabila saban hari disogokkan dengan struktur berkenaan, iaitu struktur yang tidak betul, ada di antara mereka yang menganggap ayat sedemikian adalah betul. Oleh kerana hari-hari tidak betul, maka dianggap betul. Namun apabila berhadapan dengan peperiksaan, markah akan dipotong. Inilah yang saya katakan calon-calon menjadi mangsa.

Banyak orang yang silap menggunakan kata bilangan "ramai" untuk orang. Sedangkan sepatutnya adalah "banyak" orang. Namun dalam media masih huru-hara lagi. Adakalanya digunakan "ramai orang" dan adakalanya digunakan "banyak orang". Begitu juga

dengan menggandakan perkataan jamak, seperti "mereka". "Mereka" memanglah perkataan jamak tidak boleh digandakan lagi menjadi "mereka-mereka". Yang peliknya kalau dalam bahasa Inggeris kita sebut "they", orang akan gelak. Tetapi dalam Bahasa Melayu bila disebut "mereka-mereka", siapa pun tak peduli. Jika ada orang yang menyebut kesalahan dan dibiarkan, gejala ini akan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya menyeru pihak berkuasa, khususnya Kementerian Pendidikan mengambil langkah-langkah sewajarnya. Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai agensi kebangsaan harus bangun bertindak membetulkan keadaan, atau jika apa yang saya katakan tadi adalah salah, betulkanlah apa yang telah diajar sekian lama. Saya mengucapkan terima kasih kepada DBP yang telah mengutus surat ucapan tahniah di atas kejayaan saya dalam BN dalam pilihan raya yang lalu. Antara lain, Timbalan Ketua Pengarahnya mengucapkan syabas dan berdoa agar saya akan terus memperjuangkan isu-isu bahasa di peringkat Parlimen. Insya-Allah, akan saya lakukan. Namun saya ingin menegaskan, bukan tugas individu untuk melaksanakan isu-isu kebangsaan. DBP dan Kementerian Pendidikan harus memainkan peranan yang lebih positif.

Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Malaysia pada suatu ketika dahulu disebut Bahasa Melayu dijadikan satu mata pelajaran dalam sukatan pelajaran. Oleh kerana nama mata pelajaran itu ialah Bahasa Malaysia, atau dahulunya Bahasa Melayu, maka banyaklah anak Melayu yang tidak mengambil berat mengenainya, dengan alasan ini mata pelajaran

"kacang", mata pelajaran ibunda saya. Sebenarnya ada banyak sukatan pelajaran selain daripada pertuturan yang terdapat dalam mata pelajaran ini. Namun anak-anak Melayu tidak mengendahnya. Akibatnya apabila tiba hari peperiksaan, mereka kecundang. Sedangkan yang bukan Melayu terus maju dan cemerlang. Yang bukan Melayu mencapai keputusan yang baik kerana mereka menganggap mata pelajaran Bahasa Malaysia sama beratnya dengan mata pelajaran yang lain yang harus dipelajari dengan sistem dan formula yang tertentu.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar nama mata pelajaran Bahasa Malaysia diubah menjadi Kemahiran Berbahasa. Perubahan ini hanyalah untuk mendorong dan mengingatkan setiap pelajar bahawa mereka harus mahir berbahasa, bukannya sekadar boleh berbahasa seperti mana ibu dan nenek mereka berbahasa semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan yang berjaya melonjakkan industri pelancongan ke atas dengan menghasilkan pendapatan negara yang besar. Saban tahun banyak hotel, chalet dan resort yang dibangunkan untuk kemudahan para pelancong. Negara kita amat kaya dengan tarikan semula jadi. Kehijauan hutannya sahaja sudah cukup untuk menarik minat pelancong. Begitu juga dengan air terjun, sungai yang jernih dan mengalir lesu, kolam air panas, gunung dan bukit yang menarik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yan.

5.09.ptg.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin (Yan): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya daripada Yan bangun untuk menjunjung Ucapan Terima Kasih ke atas Titah Ucapan Kebawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan persidangan Dewan Rakyat. Tahniah juga saya unjurkan kepada Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri di atas kemenangan Barisan Nasional dan di atas penubuhan Kerajaan. Ternyata Tuhan merestui dan rakyat menyokong Barisan Nasional sejak kita mencapai kemerdekaan, di mana Perikatan pada ketika itu dan kini Barisan Nasional terus memerintah tanah air kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kemenangan ini bukanlah satu perkara yang akan dimegah-megahkan, satu perkara yang akan dilagak-lagakkan oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat Barisan Nasional, malah kemenangan ini akan menjadi tanggungjawab kepada ahli Barisan Nasional untuk memastikan bahawa negara ini ditadbirkan dengan seadil-adilnya dan menjamin generasi anak bangsa Malaysia ini menjadi anak bangsa yang bermaruah.

Kita juga berterima kasih kepada rakyat yang telah memberi kepercayaan kepada Kerajaan Barisan Nasional dan

insya-Allah Kerajaan akan membela rakyat dan akan membalas budi yang telah ditaburkan oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia kini terkenal seantero dunia. Malaysia terkenal dengan sebuah negara yang bertimbang rasa, tegas mempertahankan hak asasi manusia dan juga terkenal dengan membangunkan kawasan-kawasan di luar bandar di samping pertumbuhan ekonomi yang begitu baik. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membawa Malaysia menjadi sebuah negara yang bermaruah dan disegani. Banyak telah terbukti kewibawaan kepintarannya yang membawa Malaysia dihormati dan disanjung dunia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjaga imej negara, bagi menjaga ketua pemimpin negara kita ini, saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya Kerajaan mempertimbang untuk membeli sebuah pesawat yang baru ataupun beberapa buah pesawat yang baru untuk kegunaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri semasa beliau membuat lawatan keluar negara dan juga di dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, pesawat yang ada hari ini seringkali rosak, kadangkala Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri jadualnya terpaksa diubah disebabkan oleh kerosakan pesawat ini. Ini bermakna pesawat ini kurang begitu selamat dinaiki oleh pembesar negara kita ini. Kita membeli kapal terbang ini untuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri bukan untuk individu.

Saya kira pihak Pembangkang pun bersetuju, kerana nama Malaysia begitu harum di seluruh dunia. Kalau kapal terbang yang kita naik itu selalu dok buat celaru, Tuan Yang di-Pertua sendiri pun takut hendak naik, belum tahu lagi dia naik di Kuala Lumpur, dia sampai atau tidak sampai ke tempat yang hendak dituju itu. Jadi, saya mencadangkan, duit ringgit kita jangan mengira sangat, walaupun harga pesawat ini mahal, tetapi keselamatan dan juga kehormatan serta imej negara ini perlu kita jaga.

Kalau Bill Clinton boleh naik kapal terbang ke hulu ke hilir, kalau Presiden Suharto boleh naik ke hulu ke hilir, Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei pun ada pesawatnya sendiri, kenapakah Perdana Menteri kita tidak boleh menaiki pesawat Kerajaan sendiri. Dan kadang-kadang beliau terpaksa juga menaiki pesawat orang-orang tokoh-tokoh korporat.

Jadi, ini kita hendak mengelakkan, Tuan Yang di-Pertua, daripada perkara-perkara macam ini berlaku, jadi kita ingin menjaga keselamatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri ini supaya pesawat yang baru, yang lebih canggih, yang lebih sesuai, yang boleh terbang ke jarak jauh dibeli untuk kegunaan mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara amat menggalakkan dan rakyat menikmati rezeki yang dilimpahkan oleh Tuhan kepada Malaysia. Terbukti dan ternyata ramai rakyat negara lain berhijrah ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat hari ini ramai rakyat di negara lain, jiran kita daripada Bangladesh dan sebagainya

datang ke Malaysia untuk menikmati pertumbuhan ekonomi yang begitu baik. Dalam menjadikan negara ini sebuah negara perindustrian yang berteknologi tinggi, maka insya-Allah di masa-masa yang ke hadapan ini pertumbuhan ekonomi kita akan lebih menggalakkan dan ini akan mempertingkatkan lagi taraf dan ekonomi rakyat di negara ini.

Jadi, pihak Pembangkang kena faham, tinggal seorang sahaja dari parti PAS, yang lain pergi ke mana? (*Ketawa*) Jangan dok serang Kerajaan tidak tentu fasal. Pertumbuhan ekonomi baik, negara kita dihormati, negara kita disegani, apa lagi yang kita hendak? Yang celaru Kelantan, negeri yang merosot, negeri yang tidak membangun kerana kelam-kabut dengan pentadbiran yang tidak teratur dan tersusun.

Begitu juga Sabah dahulu, sekarang ini tengoklah Sabah macam mana? Tinggal seorang sahaja wakilnya dari Padas. (*Ketawa*) Hak yang lain celaru habis!

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan juga dengan penghijrahan syarikat-syarikat pelabur-pelabur dari luar negara, Kerajaan kena memastikan bahawa pemindahan teknologi ini mesti ada tarikh dan hadnya kerana kita dapati pada hari ini kadang-kadang syarikat-syarikat asing ada melabur di Malaysia, tetapi pemindahan teknologi ini agak lewat dan kadang-kadang disunyi-senyapkan begitu sahaja.

Jadi, dalam syarat mereka melabur di tanah air kita ini, kita mesti memberi satu kondisi supaya mereka ini memberi had masa untuk memindah teknologi daripada negara tersebut kepada Malaysia. Ini dimestikan!

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan kerana hari ini banyak skim-skim vendor dijalankan, di setiap negeri banyak syarikat-syarikat yang datang melabur ini bagi menjamin masa depan orang-orang yang telah kita masuk ke pusat pemulihan, orang-orang yang telah terlibat dalam dadah ini, supaya mereka ini juga diberikan satu skim vendor untuk mereka sendiri mencari makan dan untuk mereka memastikan bahawa masa depan mereka ini terjamin.

Jadi, saya mencadangkan supaya skim vendor, industri kecil dan sederhana ini juga diberikan peluang kepada pusat-pusat pemulihan ini untuk dijadikan sebagai bahan rezeki kepada mereka dan ini akan menjamin masa depan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan luar bandar mestilah dipertingkatkan lagi. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah mempertingkatkan pembangunan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang di kampung ini, mereka bukan minta banyak, depa minta api, air dan jalan, yang itu yang mustahak! Api, air dan jalan. Ini adalah perkara yang mustahak, Tuan Yang di-Pertua. Alhamdulillah! bagi kawasan saya masalah api, masalah air dan masalah jalan telah dapat diselesaikan, cuma kita berharap pertumbuhan ekonomi di kawasan-kawasan luar bandar ini perlu di pertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, skim IKS, skim vendor ini perlu melangkah kaki ke luar bandar supaya penghijrahan penduduk-penduduk luar bandar ke bandar akan dapat kita hentikan, kerana

kalau banyak orang kampung datang ke bandar, dia akan jadi celaru, masalah sosial dan sebagainya. Dulu duduk di kampung mereka tidak mengerti pub dan tidak mengeri karaoke. Tetapi bila mereka datang ke bandar, dia mengerti pub dan dia mengerti karaoke.

Seorang Ahli: Pub itu apa?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Pub itu tempat dok 'bull-dog', bar-bar semuanya ini. (*Ketawa*) Jadi, celaru — dari kampung, perangai yang baik sampai ke bandar kadang-kadang kerana tidak ada bimbingan, tidak terkawal oleh ibu bapa, maka mereka ini jadi kelaru. Jadi, kita hendakkan kalau boleh industri kecil dan sederhana ini pergi ke luar bandar dan menguntungkan.

Tuan Yang di-Pertua, kerana apabila mereka ini mengadakan industri di luar bandar, kosnya tidak begitu tinggi, gaji mereka pun tidak begitu tinggi, tak payahlah kita hendak angkut mereka ini dengan van dan sebagainya, sampai terlanggar dengan kereta api macam baru-baru ini. Jadi, perkara-perkara sebegini dapat kita perbetulkan.

Jadi, saya mencadangkan kepada Kementerian Perdagangan dan Industri supaya memberi peluang industri-industri vendor dan industri-industri kecil ini

Datuk Hanafi bin Ramli: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta jalan, silakan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Silakan.

Datuk Hanafi bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, kawasan Yan ini adakah teruk sangatkah, tidak ada industrikah?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, Yan ini adalah kawasan yang paling cantik di dunia. (*Ketawa*) Dengan Gunung Jerainya, dengan air terjunnya, dengan pantainya dan dengan lautnya, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada bandingannya di dunia, hanya satu negara sahaja yang ada lebih kurang macam Yan adalah Switzerland. (*Ketawa*)

Jadi, saya tidak memerlukan industri-industri besar, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya hendak menjadikan Yan ini sebagai satu kawasan pelancongan yang mententeramkan fikiran manusia dan jiwa kita.

Tuan Yang di-Pertua, cuma kita hendakkan industri-industri kecil supaya dapat membantu pertumbuhan ekonomi orang-orang kampung. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Tuan yang di-Pertua, amboi! sudah lari pula pointnya. (*Ketawa*)

Seorang Ahli: Tupai ada atau tidak?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha! Cuma dalam kawasan saya tupai baik-baik. (*Ketawa*) Dia tidak tokak wayar elektrik. Hak ini pun wakil rakyat kena ajar tupai ini. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, kampung adalah sebuah alam yang dicipta oleh Allah S.W.T. ini sebagai satu tempat yang semula jadi, yang cukup aman, yang cukup tenteram.

Tuan Yang di-Pertua, kita duduk di kampung ini, orang kampung ini jarang

mati sakit jantung kerana debaran jantung di kampung ini tidak kuat kerana tenteram dan aman. Kita dapat melihat pokok-pokok yang menghijau, air-air sungai yang begitu bersih, padi yang menguning, lautan yang tidak bergelombang teruk sangat di musim yang elok. Tetapi kalau kampung-kampung ini diberi satu pembangunan yang baik dan tersusun, maka orang-orang di bandar ini mereka akan datang ke kampung kerana dengan kemudahan jalan raya dan lebuh raya yang ada pada hari ini, memudahkan lagi kalau orang daripada kampung duduk bekerja di Kuala Lumpur dan duduk di kampung, mereka boleh berulang — tidak lagi menjadi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, cuma kadang-kadang bila duduk di kampung masalah sedikitlah kerana bila jalannya tidak ada dan sebagainya. Tetapi bukan Kerajaan tidak buat, ini orang PAS bila dia dengar, dia kata Kerajaan tak buat. Kerajaan dok buat dah, cuma di Kelantan sahaja bila diberi peruntukan depa dok lewat-lewatkan peruntukan, bila dapat peruntukan diberikan kepada kawasan PAS, sedangkan di kawasan UMNO mereka tidak buat. Macam UMNO tidak begitu, dia beri kepada PAS dan beri kepada UMNO semua dia beri, yang ini pengganti 'Pak Nik' ini.

Seorang Ahli: Anak Pak Nik.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Anaknya? Bagus! Orang muda!

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita kena pertingkatkan pembangunan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya minta sekolah di luar bandar — terima kasih banyak kepada Kerajaan yang

memperbanyakkan sekolah di luar bandar. Di sini saya hendak memberitahu kepada Kementerian Kerja Raya — peruntukan untuk penyelenggaraan RM1 bilion yang diperuntukkan oleh Kerajaan baru-baru ini untuk memperbaiki bangunan-bangunan Kerajaan termasuk sekolah-sekolah kadang-kadang cara mentadbirkannya tidak tepat. Kadang-kadang guru sekolah kata dia hendakkan pintu bilik air yang baru, JKR kata, dia menghantar besin bilik air sahaja, pintu tidak hantar. Kadang-kadang pintu tidak diperbetul. Yang di minta 'pintu', diberi 'tingkap'. Pintu kadang-kadang 'kiat' dia 'herot'. Ada pintuk air pun, tetapi orang tidak boleh masuk ke bilik air — hendak buat apa?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai ini, kadang-kadang padang itu patut ditambun, tetapi tidak ditambun. Jadi, ini semua, saya mengharapkan kalau boleh Jabatan Kerja Raya (JKR) ini kena mengikut kehendak sekolah itu — apa yang dia hendak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta gulung, Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Hai! Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana dilantik semula menjadi Timbalan Speaker (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Terima kasih, sila gulung.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, parti-parti lawan ini, seperti parti PAS, saya berharap mereka akan insaf, kerana

mereka ini ibarat cerita "Tiga Budak Hitam".

Tuan Yang di-Pertua, bila saya cerita janganlah masukkan masa — rugi saya. "Tiga Budak Hitam" seperti mereka yang hendak berebut Ketua Pembangkang. Satu hari Tiga Budak Hitam berjalan tepi pantai. Berjalan, berjalan — naik satu botol yang terapung atas air. Seorang budak hitam pegang botol itu

Seorang Ahli: Botol toyu!

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan botol toyu, tetapi botol — macam botol toyulah. Dia cabut penutup botol, keluar jin. Bila jin keluar dia kata "wahai tiga budak hitam, kerana kamu mengeluarkan saya dari dalam botol ini, maka apa yang kamu minta saya akan tunaikan, tetapi seorang sekali sahaja". Jadi, yang pertama kata "wahai jin, oleh kerana aku ini hitam, berilah aku jadi putih dan segar" — jin pun membuat dia menjadi putih. Yang kedua juga minta menjadi putih. Yang ketiga bila dia tengok, dia kata tidak jadi. Hangpa berdua sudah putih, saya ini hitam, dia kata "wahai jin, saya minta balik kedua-dua yang putih tadi menjadi hitam". Maka halnya ketiga-tiga budak tadi menjadi hitam balik. Samalah macam pembangkang tadi, dok berebut sesama mereka, apa pun tidak beroleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah lebih, Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tadi Yang di-Pertua janji beri masa.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah lebih Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, saya hendak tutuplah ini.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Hendak tutup tidak boleh berdiri. Duduklah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih banyak kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya berharap parti PAS (parti Pembangkang) ini supaya insaf bahawa perbuatan mereka itu tidak diredhai dan diterima oleh Allah S.W.T. — memfitnah menganiayai dan menjatuhkan maruah se agama dan sebangsa adalah ditolak oleh agama Islam itu sendiri.

Jadi, saya berharap pemimpin-pemimpin PAS akan sedar bahawa perbuatan mereka ini adalah perbuatan yang dikutuk dan dilaknati oleh Allah S.W.T. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya nampak ada wanita yang ingin mengambil bahagian. Beri kepada wanita dahulu. Santubong.

5.34 ptg.

Puan Rohani binti Abdul Karim (Santubong): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut serta mengambil bahagian di dalam Ucapan Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi tahniah dan

syabas di atas kemenangan Barisan Nasional yang begitu cemerlang dan yang terbaik semenjak pilihan raya pertama pada tahun 1955. Kita amat bangga dan terharu dengan kepercayaan yang sebegitu rupa yang telah diberikan oleh rakyat kepada pemimpin dan pucuk pimpinan Barisan Nasional. Pilihan raya kali ini juga telah di jalankan tanpa apa-apa peristiwa yang tidak diinginkan kecuali kecoh dengan beberapa insiden kecil-kecilan seperti "Bilik 121".

Tuan Yang di-Pertua, kemenangan kita bersama ini bermakna meneruskan semula tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat di dalam kawasan kita masing-masing serta mendukung dan melaksanakan visi Kerajaan dan negara seperti yang tertera di dalam Wawasan 2020. Tugas utama kita adalah untuk membawa pembangunan yang masih banyak lagi diperlukan termasuk keperluan asas seperti bekalan elektrik dan air dan juga kemudahan infrastruktur. Segala pembangunan ini memerlukan belanja yang begitu besar serta perancangan yang menyeluruh. Semua ini hanya dapat dicapai oleh Kerajaan dan pemimpin dalam Barisan Nasional.

Di Sarawak, Barisan Nasional telah memenangi ke semua 26 kerusi, hanya tercicir satu sahaja iaitu di Bandar Bintulu kepada DAP. Ini adalah satu-satunya hadiah yang mampu kami, orang-orang Sarawak sumbangkan kepada pucuk pimpinan kita dan oleh yang demikian, kami rakyat di Sarawak berharap lebih banyak lagi pembangunan dapat diagihkan kepada negeri Sarawak supaya pencapaian pembangunan adalah setaraf dengan yang dirasai di negeri-negeri maju di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan kehendak Wawasan 2020 iaitu untuk menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian dan yang maju dan yang disegani dunia, kita harus memberi penekanan yang serius kepada pembangunan sumber manusia. Negara kita akan memerlukan banyak kepakaran, tenaga mahir dan separa mahir di samping tenaga buruh kasar yang lain. Pada masa ini sudah dirasai banyak kekurangan tenaga mahir dan teknikal yang sangat diperlukan oleh negara. Oleh yang demikian, mulai dari sekarang beberapa langkah dan strategi harus diambil untuk memastikan bahawa kita sentiasa ada cukup tenaga yang diperlukan. Tindakan yang bersepadu harus diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga mahir ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sumber manusia dari segi ilmu, keterampilan dan keupayaan teknologi adalah amat penting. Oleh yang demikian, adalah sangat dialu-alukan bahawa pembangunan sumber manusia perlu diselaraskan dengan Dasar Pendidikan Negara dan usaha-usaha dalam bidang pendidikan diteruskan untuk melahirkan tenaga mahir yang mempunyai kepakaran atau latihan. Lebih-lebih lagi dengan penumpuan terhadap bidang sains dan teknologi, nilai rohani dan moral yang positif serta bertanggungjawab, berdaya cipta, berdaya saing, mudah melentur diri dan berupaya memberi sumbangan yang berkesan kepada pembangunan negara.

Oleh yang demikian, saya sangat mengalu-alukan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang mengatakan bahawa beliau akan mengemukakan satu pelan tindakan yang melibatkan pendidikan teknikal

bagi meningkatkan lagi sistem pendidikan vokasional negara ini dan langkah ini termasuklah penambahan pembinaan sekolah-sekolah menengah teknik dan politeknik baru. Kita sama-sama berharap agar melalui program tersebut, negara kita dijangka berupaya meningkatkan pengeluaran tenaga mahir bagi memenuhi permintaan tenaga kerja dari pelbagai sektor, khususnya sektor perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai program Kerajaan iaitu di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Saya mengalu-alukan kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar iaitu dengan memperuntukkan RM1 bilion bagi melaksanakan PPRT secara besar-besaran sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh bermula pada tahun hadapan. Hasrat ini adalah baik iaitu bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan rakyat menjelang tahun 2000. Tetapi di sini, saya ingin menyeru pihak Kerajaan agar dapat membuat penilaian semula dari segi pelaksanaan PPRT iaitu Kerajaan harus memastikan bahawa program ini akan mencapai matlamatnya.

Keberkesanan program ini harus dikaji dari masa ke semasa. Saya sangat berharap agar penumpuan khas diberikan kepada negeri-negeri yang kurang maju seperti Kedah, Terengganu, Perak, Sabah dan khasnya Sarawak.

Kita juga berharap agar kumpulan sasaran betul-betul dibela dan jangan berlaku kejadian bahawa ramai yang berada atau berkemampuan mengiktirafkan diri mereka sebagai golongan daif dan miskin. Bagaimana perkara ini boleh terlepas dan sedang berlaku, harus di-siasat.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan prasarana adalah penting untuk membuka banyak lagi kawasan yang mempunyai potensi untuk dibangunkan. Dengan adanya sistem perhubungan yang baik akan memberi kesan kepada taraf ekonomi dan seterusnya taraf kehidupan rakyat di kampung-kampung yang terpencil atau jauh dari pusat pembangunan. Oleh yang demikian, saya menyeru dan memohon tindakan secepat mungkin agar jalan pesisir pantai di Sarawak diberi keutamaan dan dibina secepat mungkin.

Pada masa sekarang, kebanyakan kampung-kampung di pesisiran pantai hanya dihubungi melalui sungai-sungai. Ini amat menyusahkan dari segi membawa hasil pertanian ke pusat bandar. Sebahagian besar kawasan pesisir di Sarawak mempunyai potensi dari segi ekonomi dan rangkaian jalan raya yang baik yang perlu dibina untuk mempercepatkan proses pembangunan di tempat-tempat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik hati dengan langkah-langkah Kerajaan yang tegas dari segi kewangan, fiskal dan pentadbiran yang telah berjaya membendung inflasi ke tahap yang rendah. Kita pula sekarang ini berusaha untuk mencapai paras inflasi sifar walaupun dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang pesat. Walaupun kadar inflasi negara di tahap rendah, iaitu 3.3% dan boleh dikawal, tetapi ianya harus diberi perhatian yang serius.

Kita sebagai pengguna haruslah peka tentang tanggungjawab kita dalam menangani masalah inflasi ini. Oleh yang demikian, saya ingin mengetahui di sini dari segi apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk mencapai inflasi sifar ini? Kita mesti

berhati-hati oleh kerana keadaan ini juga didorong oleh kedudukan ekonomi kita yang kukuh di mana masing-masing mempunyai kuasa beli dan wang yang cukup untuk berbelanja hingga ada kalanya melebihi pendapatan tanpa sedikit pun diperuntukkan untuk tabungan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyertaan wanita. Saya sungguh terkilan kerana hanya terdapat perenggan yang pendek mengandungi 2 baris ayat mengenai penyertaan wanita. Walau bagaimanapun, dengan adanya perenggan itu, maka berpeluanglah juga saya menambahkan di sini dari segi beberapa pencapaian wanita Malaysia setakat ini untuk makluman Dewan yang mulia ini.

Kebanggaan terhadap pencapaian ini adalah akibat kerjasama dan perkongsian tanggungjawab yang telah diberikan oleh wanita dan lelaki di negara ini. Wanita merupakan separuh daripada jumlah penduduk di negara ini dan juga merupakan 1/3 daripada tenaga pekerja. Oleh yang demikian, sumbangan wanita adalah penting di dalam pembangunan negara. Pencapaian wanita adalah dibahagi kepada beberapa sektor, iaitu di dalam sektor pendidikan, kadar literasi telah meningkat daripada 47% dalam tahun 1970 ke 64% dalam tahun 1980. Dalam tahun 1990'an, pecahan peratusan wanita di peringkat sekolah adalah 48.6% di sekolah rendah; 50.5% di peringkat bawah; 44.3% di sekolah menengah atas; dan 44.3% juga di peringkat universiti, iaitu di dalam jurusan perubatan, pergigian, kejuruteraan, seni bina dan perakaunan.

Penyertaan tenaga pekerja, iaitu daripada tahun 1970 hingga ke tahun 1990, penyertaan wanita dalam peker-

jaan telah bertambah daripada 36.3% kepada 46.8%. Adalah dijangka bahawa penyertaan wanita dalam tenaga pekerjaan akan bertambah kepada 52% dalam tahun 2020. Pencapaian ini harus diambil kira oleh penggubal dasar dan ianya adalah satu fenomena yang significant dalam pembangunan negara.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah khasnya kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan-timbalan Yang di-Pertua yang telah dilantik untuk mengawal keadaan dalam Dewan di mana keanggotaannya sekarang ini semakin cangguh.

Seterusnya saya juga mengucapkan tahniah kepada semua Ahli-ahli yang berada di dalam Dewan yang mulia ini, khasnya Ahli wanita di mana pilihan raya kali ini telah mengemukakan lebih ramai wanita dan pertambahan daripada pilihan raya tahun 1990, iaitu sekarang ini kita ada 15 orang Ahli Parlimen wanita berbanding 11 orang iaitu di dalam tahun 1990, iaitu pertambahan sebanyak 1% lebih, iaitu pada tahun 1990, 6% dan sekarang ini 7.8%. Oleh sebab statistik mengenai penyertaan wanita begitu besar, itulah sebabnya saya berharap bahawa sumbangan wanita harus diambil kira di dalam beberapa aspek supaya sama-sama kita menyumbang kepada pembangunan negara.

Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Beri peluang Ahli yang baru ya. Sipitang.

4.48 ptg.

Tuan Yusof bin Haji Yacob (Sipitang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagai orang baru, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan ikhlas kepada Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan yang diberikan kepada saya selaku Ahli Parlimen dari Sabah untuk menyampaikan ucapan di Dewan yang mulia ini sempena perbahasan Usul Terima Kasih kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Saya akan menggunakan peluang ini dengan sebaik-baiknya untuk menyampaikan hasrat saya dan rakyat yang saya wakili khasnya dan rakyat Malaysia amnya.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Malaysia kerana telah berjaya mengekalkan pemerintahan Barisan Nasional di Malaysia. Bukan itu sahaja, tetapi telah menambah majoriti Barisan Nasional pada keseluruhannya.

Tidak lupa juga saya merakamkan tahniah kepada semua komponen-komponen Barisan Nasional yang sama-sama memastikan kejayaan ini. Walau apa pun alasan yang dikatakan oleh pihak Pembangkang mengenai kekalahan mereka, tetapi Barisan Nasional telah menang dengan cemerlang. Ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia telah semakin sedar dan menerima corak pemerintahan Barisan Nasional.

Pihak Pembangkang telah menuduh Barisan Nasional telah menggunakan media massa sepenuhnya semasa kempen baru-baru ini. Analisa oleh Pembangkang seperti ini adalah analisa dangkal dan tidak analitikal. Apakah rakyat Malaysia begitu terpengaruh dengan kempen pilihan raya yang cuma berjalan 9 hari? Apakah cuma dengan kempen 9 hari tersebut cukup untuk mereka menimbang dan menilai apa yang telah dibuat oleh Barisan Nasional dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad?

Rakyat Malaysia masa kini adalah orang yang boleh berfikir dan menimbang yang mana baik dan buruk. Rakyat Malaysia adalah terbuka, kecuali mereka yang dikongkong dan diselubungi oleh PAS dan PBS, iaitu mereka yang tidak dibenarkan atau diberi peluang untuk melihat dunia luar. Tentunya rakyat Malaysia menilai pemerintahan Barisan Nasional dari dahulu lagi dan memikirkan masak-masak sebelum membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak dikatakan oleh pihak Pembangkang mengenai media massa yang dituduh melakukan pendustaan dan fitnah. Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan pihak media massa mencipta pendustaan tentang pihak Pembangkang dan pihak editorial yang menyokong Barisan Nasional. Kalau perkara ini benar berlaku, pihak DAP boleh membawa perkara ini kepada saluran-saluran yang dibenarkan untuk membuat pembedaan atau membawa ke mahkamah untuk pengadilan.

Yang Berhormat dari Marang pula dalam ucapannya dua hari yang sudah juga menuduh media elektronik dan cetak menyiarkan berita dan gambar-gambar fitnah dan beliau mengatakan:

“Tidakkah ada walau sedikit pun di dalam hati sanubari pemimpin media massa itu rasa berdosa ketika menyiarkan berita dan fitnah itu”.

Saya rasa ulasan ini ditujukan kepada diri mereka sendiri. Bagaimanakah dengan berita dan gambar yang disiarkan oleh surat khabar *Harakah* sebelum ini dan tidaklah pula ada di dalam hati sanubari pemimpin-pemimpin PAS dan *Harakah* itu rasa berdosa ketika menyiarkan berita dan gambar-gambar yang tidak tepat atau ada unsur-unsur fitnah dan pembohongan. Berani dan sanggupkah pemimpin.....

Tuan Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Pengkalan Chepa bangun hendak minta jalan. Hendak beri?

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya beri sekejap.

Tuan Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Yang Berhormat telah pin point *Harakah* secara khusus dalam masalah ini. Saya minta Yang Berhormat kemukakan contoh, bila dan gambar bentuk apakah yang telah disiarkan oleh *Harakah*?

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih. Terlampau banyak, saya tidak beri contoh kerana kesuntukan masa. Ini boleh bincang di luar. Berani

dan sanggupkah pemimpin PAS membuat pengakuan sebagai pemimpin Islam bahawa berita atau tulisan-tulisan yang disiarkan oleh *Harakah* itu benar belaka dan langsung tidak ada unsur-unsur penyelewengan, fitnah dan pembohongan? Kalau pemimpin PAS terutamanya dari Marang dapat membuat pengakuan dan memberi jaminan bahawa *Harakah* cuma mengeluarkan berita benar, tentulah rakyat tidak mempertikaikannya. Kenyataan Yang Berhormat Marang:

“Jika ada sistem nilai membenarkan perbuatan keji itu adalah datang dari nafsu oleh perasaan yang tidak betul dan sudah tentu ia adalah menyalahi keadilan yang sebenar”. Kalau yang demikian, soalnya nafsu siapa yang lebih?

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong, Yang Berhormat Keningau dan Yang Berhormat Pasir Mas sentiasa menekankan politik ugut oleh Barisan Nasional. Kalau hendak diulas kembali begitu panjang dan tidak cukup masa. Tetapi sekadar mengimbas kembali kenyataan Yang Berhormat dari Keningau menuduh pemimpin Barisan Nasional mengugut pengundi-pengundi. Ucapan Yang Berhormat Keningau di Dewan yang mulia ini macam kempen pilihan raya juga tetapi yang sebenarnya pemimpin-pemimpin PBSlah yang membuat ugutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada contoh-contoh dan saksi-saksi yang pemimpin-pemimpin PBS dari Tenom, Kemabung dan Sipitang — Yang Berhormat kawan saya dari Tenom ada di sini — dan mungkin di tempat lain yang membuat ugutan-ugutan. Contohnya, “Jangan kita sokong Barisan Nasional. Nanti semua tanah orang Sabah diambil

oleh orang Malaya”. Yang kedua, “Kalau Barisan Nasional menang nanti D.O. atau Pegawai Daerah diambil oleh orang Semenanjung”. Memang ugutan ini berunsur menghasut dan anti-persekutuan. Ada pula ugutan yang mengatakan, “Kita mesti tolak Barisan Nasional dan UMNO, kalau mereka menang kita semua diIslamkan mereka. Kristian akan hancur”.

Tuan Yang di-Pertua, ugutan seperti ini berunsur anti-nasional dan berunsur sensitif yang boleh memecah belahkan perpaduan serta mengancam keselamatan negara yang selama ini semua kaum di dalam keadaan harmoni di Malaysia. Oleh itu kepada Kementerian Dalam Negeri kenalah peka tentang perkara ini. Seperti persoalan pada hari pertama, janganlah membuat kajian atau monitor terlalu lama. Pada mereka yang membawa isu-isu sensitif dan pelampau-pelampau agama ini perlu dibawa sahajalah ke pejabat Kementerian Dalam Negeri. Perkara pelampau agama dan pembawa isu sensitif agama, perkauman tidak perlu diberi tempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang saya katakan ini tentu tidak boleh dinafikan oleh pemimpin-pemimpin PBS kerana inilah sahaja cara memastikan sokongan suku kaum Kadazan dan Murut di kawasan pedalaman. Kerana tiada isu lain yang boleh meyakinkan penduduk pedalaman terutama sekali mengenai rancangan pembangunan. Maka isu ugutan sahaja diketengahkan. Memang orang kata kalau tidak pandai menari, lantai jongkang-jongkit. Kalau sudah kita kalah, ada sahaja alasan diberikan.

Yang Berhormat Keningau juga mengatakan tentang pengundi-pengundi hantu. Kenapa baru sekarang perkara ini dikeluarkan? Kalau PBS benar-benar

sedar dan jujur dalam perkara ini mengapa PBS tidak membawa ke Parlimen semasa mereka dalam Barisan Nasional dahulu? Perkara pengundi hantu atau pengundi yang tidak dikenali ini juga disuarakan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional di Sabah dan ini kita serahkan kepada pihak yang berwajib iaitu SPR untuk menyelesaikannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut rasa bersyukur kerana ekonomi negara kita dalam keadaan stabil di mana kadar pertumbuhan ekonomi berjaya kekal lebih daripada 8% selama tujuh tahun berturut-turut. Tahniah kepada pentadbiran ekonomi negara serta Menteri Kewangan yang berjaya mengekalkan keadaan ini. Mudah-mudahan ianya berkekalan. Kita telah menerima kemajuan ini. Bukan sahaja penyokong-penyokong Barisan Nasional tetapi rakyat Malaysia bahkan Pembangkang juga mendapat manfaatnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ekonomi kita semakin baik, orang kaya semakin bertambah dan taraf kehidupan yang baik, tetapi agenda kita untuk mengangkat martabat seluruh rakyat Malaysia masih belum tercapai. Kemenangan kita di dalam Barisan Nasional adalah satu tanggungjawab. Masih banyak perkara yang perlu diselesaikan terutama sekali masalah-masalah kini yang tidak dapat dinafikan atau dipejamkan mata kita. Ia masih lagi suatu realiti sebenarnya. Masalah ini termasuklah masalah kesihatan di luar bandar, masalah sosial remaja dan dewasa, masalah rakyat termiskin, masalah petani, masalah nelayan, masalah setinggan dan lain-lain.

Nampaknya semasa perbahasan pihak Pembangkang cuma lebih menumpukan kepada masalah mengapa mereka

kalah pilihan raya dan tidak banyak menyuarakan masalah rakyat yang perlu dibela cadangan untuk penyelesaian. Mereka lebih pentingkan pilihan raya daripada masalah negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Parlimen Sabah, saya ingin memberi penekanan yang lebih sedikit kepada masalah kesihatan dan perubatan yang berlaku di Sabah. Ini bukan bererti semangat kedaerahan atau kenegerian tetapi lebih arif tentang keadaan di tempat sendiri. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan kemudahan infrastruktur dan mutu perkhidmatan kesihatan yang sedang dinikmati oleh rakyat Malaysia amnya dan rakyat jelata di Sabah khasnya pada hari ini adalah jauh lebih baik jika dibandingkan dengan apa yang ada dalam tahun-tahun 60-an. Pencapaian ini telah membolehkan status kesihatan rakyat negara ini dipertingkatkan dan jangka hayat mengikut jantina telah meningkat secara ketara. Kalaulah dibandingkan dahulu, kita boleh hidup lama ekoran ada kemajuan dalam bidang penyelidikan perubatan dan penyakit. Contohnya kadar kematian di Sabah turut mengalami pengurangan daripada 5.7 orang setiap 1,000 di tahun 1963 telah menurun kepada 3.6 orang setiap 1,000 pada tahun 1993. Kadar kematian bayi pula menurun daripada 34.1 orang setiap 1,000 kelahiran kepada 18.4 setiap 1,000 kelahiran di tahun 1993.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan yang dikecapi dalam bidang perubatan dan penyelidikan penyakit telah membolehkan banyak pembedahan kompleks dan rumit dijalankan dalam negeri. Kalau sebelumnya kita terpaksa bergantung kepada pakar-pakar bedah negara maju tetapi pada hari ini kita boleh berbangga dengan pencapaian yang dicapai oleh Institut Jantung Negara. Perkhidmatan pakar-pakar dalam pelbagai jenis penya-

kit telah diperkenalkan di hospital-hospital besar di negara ini termasuk Hospital Ratu Elizabeth di Kota Kinabalu. Malah terdapat beberapa warganegara Malaysia yang berjaya mencipta nama dalam dunia perubatan dan mengharumkan nama negara kita. Semua usaha ini wajar diteruskan oleh Kerajaan bagi manfaat rakyat.

Di Sabah keprihatinan Kerajaan Pusat terbayang menerusi pembangunan pelbagai kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan kesihatan seperti projek pembesaran hospital umum, pembinaan hospital daerah berkonsep nukleus iaitu Hospital Nukleus yang kebetulan di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, di Sipitang. Dispensari luar bandar, perkhidmatan penerbangan doktor udara, pusat bersalin dan perkhidmatan kesihatan kanak-kanak. Khidmat perubatan bergerak, program air minum yang bersih, kemudahan sanitasi, pendidikan kesihatan, pemakanan berzat dan seimbang dan sebagainya; berasaskan perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Perubatan Sabah. Sabah mempunyai 16 buah hospital dengan 2,812 katil, 70 buah pusat kesihatan, 6 buah dispensari bergerak, 16 pusat bersalin dan kesihatan kanak-kanak pada tahun 1993. Kerajaan Negeri melalui Yayasan Sabah juga mengadakan perkhidmatan penerbangan doktor udara ke kawasan-kawasan luar bandar yang terpencil di samping menyediakan perkhidmatan ambulan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak kemudahan infrastruktur kesihatan telah dibangunkan, namun kekurangan ini masih dirasai terutamanya peringkat daerah dan kawasan-kawasan terpencil. Skop perkhidmatan yang disediakan oleh hospital daerah nampaknya masih perlu dipertingkatkan demi untuk menampung keperluan pakar.

Pesakit yang memerlukan rawatan pakar masih perlu dirujuk ke hospital besar yang ada menyediakan perkhidmatan pakar.

Di kawasan luar bandar masih terdapat yang terpaksa berjalan kaki atau menaiki kenderaan berjam-jam lamanya untuk mendapat rawatan perubatan memandangkan kemudahan dispensari yang disediakan amatlah terhad. Norma untuk mendirikan hospital ataupun klinik-klinik di kawasan terpencil tidaklah dapat diikuti kerana keadaan geografi yang berlainan seperti juga yang ada di Sarawak. Oleh itu peruntukan pembangunan kemudahan kesihatan seperti dispensari, pusat kesihatan dan klinik-klinik untuk ibu dan kanak-kanak harus diperbanyakkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bagi mempertingkatkan lagi mutu kesihatan di kawasan luar bandar, bukan sahaja di Sabah tetapi juga di seluruh Malaysia.

Pada masa yang sama, program pembekalan air minum yang bersih di kawasan luar bandar harus diberikan perhatian, di samping usaha memperbanyakkan kemudahan sanitasi. Memandangkan kemiskinan luar bandar adalah sangat ketara, program pemakanan makanan berzat dan seimbangkan harus terus diperluas demi untuk masyarakat luar bandar terutamanya kanak-kanak sekolah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta gulung Yang Berhormat. Minta gulung.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan di sini bahawa masalah kekurangan tenaga kerja dan kemudahan kesihatan di Sabah menjadi bertambah buruk disebabkan oleh masalah kehadiran pendatang. Nisbah doktor dengan penduduk begitu tinggi

berbanding dengan keadaan yang ada di Semenanjung Malaysia. Saya berharap Kementerian Kesihatan dapat mengkaji perkara ini dengan lebih mendalam. Usaha juga harus dibuat untuk melengkapi hospital-hospital di Sabah dengan peralatan-peralatan yang canggih, di samping memastikan kemudahan yang sedia ada boleh berfungsi dengan baik dan berkesan. Dalam konteks ini, Kota Kinabalu akan dinaikkan kepada bandar dan kita berharap kemudahan hospital juga sejajar dengan keperluan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Masá cukup Yang Berhormat.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Pengkalan Chepa.

6.03 ptg.

Tuan Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa):
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk ikut serta membahas Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya umum yang kesembilan telah pun berlalu. Rakyat telah membuat pilihan dan keputusannya telah sama-sama kita lihat dan ketahui. Walau bagaimanapun, kami dari Parti Islam SeMalaysia ingin mengambil kesempatan yang berharga ini untuk mengingatkan Kerajaan Barisan Nasional supaya tidak mengambil kesempatan daripada kepercayaan dan mandat yang diberikan oleh rakyat ini untuk terus mencabul prinsip-prinsip demokrasi dan mengkhianati aspirasi rakyat terutamanya bangsa Melayu yang begitu setia memberikan undi mereka kepada Kerajaan Barisan Nasional dalam setiap kali pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, mandat dan kekuasaan yang diberikan oleh rakyat hendaklah digunakan untuk memenuhi dua matlamat berpolitik seperti mana yang telah dirumuskan oleh para ulama di dalam tulisan-tulisan mereka berkenaan siasah iaitu untuk (*menyebut dalam bahasa Arab*) maksudnya untuk menegakkan agama dan memerintah atau mentadbir dunia selaras dengan ajaran agama tersebut. Kuasa politik mesti digunakan untuk melaksanakan ajaran-ajaran Islam secara lengkap dan menyeluruh sesuai dengan arahan-arahan Al-Quran dan Sunah serta juga contoh yang telah ditunjukkan oleh para Khulafa Al-Rasyidin. Keadaan masyarakat majmuk tidak sepatutnya dijadikan alasan untuk tidak melaksanakan ajaran Islam yang lengkap dan menyeluruh. Kerana sifat ajaran Islam itu sendiri adalah sesuai untuk semua umat manusia. Rasulullah s.a.w. telah diutuskan untuk menjadi Rahmatan Lilalamin dan Rasulullah s.a.w. sendiri telah diutuskan untuk menjadi (*menyebut dalam bahasa Arab*) untuk seluruh umat manusia, bukan hanya untuk orang Arab ataupun orang Melayu sahaja. Sejarah telah menunjukkan kepada kita bahawa ajaran Islam yang lengkap dan menyeluruh ini telah berjaya dilaksanakan di dalam masyarakat yang majmuk seperti di Madinah, Kaherah dan juga Cordoba.

Tuan Yang di-Pertua, antara pokok ajaran Islam ialah keadilan yang menjadi teras perpaduan dan keharmonian hidup bermasyarakat. Keadilan mesti dilaksanakan oleh Kerajaan bukan sahaja kepada para penyokong dan mereka yang sebulu dengannya tetapi juga mesti diratakan kepada mereka yang tidak menyokong dan tidak sebulu dengan Kerajaan. Tuntutan supaya berlaku adil

ini terakam di dalam surah Al-Quran (*membaca petikan surah Al-Quran*) yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah S.W.T. telah memerintahkan kamu supaya melaksanakan amanah kepada empunya dan apabila kamu memerintah di kalangan manusia, maka hendaklah kamu memerintah dengan adil".

Manakala perintah supaya meratakan keadilan itu dapat kita lihat di dalam ayat yang lain (*Membaca petikan suruh Al-Quran*) yang bermaksud, "Janganlah kebencian kamu kepada satu kelompok ataupun kepada satu kumpulan menyebabkan kamu tidak berlaku adil kepada mereka. Sebaliknya hendaklah kamu berlaku adil kerana sifat adil itu dekat dengan takwa kepada Allah S.W.T."

Sesuai dengan tuntutan kedua-dua ayat yang saya bacakan tadi, kita meminta Kerajaan pusat supaya menilai semula sikap konfrantasi dan diskriminasi mereka terhadap Pembangkang terutamanya terhadap PAS, lebih-lebih lagi dalam soal hubungan antara Kuala Lumpur dengan Kota Bharu yang terus dianaktirikan hampir dalam semua aspek. Adalah malang sekali bagi UMNO yang selalu mendabik dada, bercakap tentang perpaduan dan kepentingan bangsa Melayu tetapi tergamak mengambil berbagai bentuk cara helah untuk menekan dan menghancurkan Kerajaan Kelantan. Sebaliknya, rela beralah dan berputih mata di Pulau Pinang semata-mata untuk menjaga survival politik MCA dan GERAKAN.

Hari ini kita melihat sokongan pengundi-pengundi Cina beralih daripada DAP kepada Barisan Nasional. Berdasarkan kepada kenyataan Pengerusi DAP beberapa ketika sebelum pilihan raya, berdasarkan ucapan Yang Berhormat Tanjong dua hari yang lepas.....

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang bangun ya. Hendak beri jalan?

Tuan Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Sekejap sahaja.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan tentang Pulau Pinang antara UMNO, MCA dan GERAKAN tadi itu.

Tuan Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Di Pulau Pinang sampai sekarang UMNO memberikan kerusi Ketua Menteri kepada GERAKAN walaupun mereka mempunyai kerusi negeri yang lebih banyak. Selepas pilihan raya yang lepas, satu lagi kerusi Exco telah diberikan kepada GERAKAN yang asalnya dimiliki oleh UMNO. Tetapi mereka berebut dan berjuang untuk menguasai Kelantan yang diperintah oleh orang Melayu dan juga orang Islam.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Saya ingat cukuplah sebab masa pun pendek. Lain kali, insya-Allah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, teruskan.

Tuan Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi berdasarkan ucapan Presiden DAP beberapa ketika sebelum pilihan raya umum dan berdasarkan ucapan

Yang Berhormat Tanjong di dalam Dewan ini dua hari yang lepas dan berdasarkan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri dalam Soal Jawab Mulut semalam, nyata kepada kita bahawa UMNO telah berlaku khianat kepada orang Melayu dengan menerima dan melaksanakan tuntutan-tuntutan politik.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat sebentar ya. Parit Sulong bangun itu.

Tuan Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia ada point of order Yang Berhormat. Kena beri jalan, point of order. Sila Parit Sulong.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, point of order 36(10) (c) di mana ucapan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa mengikut point of order 36(10) (c) — “Perkataan-perkataan yang menaikkan perasaan bersakit-sakit hati dan bermusuhan di antara satu kaum”. Jadi, saya minta perkara ini diadili oleh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat saya hendak kawal sedikit pasal dalam Peraturan Mesyuarat kita tidak boleh membangkitkan perasaan sakit-sakit hati di antara kaum. Sila teruskan.

Tuan Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kerana saya orang baru ada perkara-

perkara yang saya tidak pasti.

Tuan Yang di-Pertua, kami menerima kenyataan bahawa BN menang besar di dalam pilihan raya umum yang lepas. Tetapi kami suka mengingatkan para penyokong Barisan Nasional supaya tidak merasa bangga dengan kejayaan tersebut. Kami mempertikaikan pendapat yang menganggap mandat besar ini satu endorsement, dengan izin, daripada rakyat. Berdasarkan pengamatan dan bukti-bukti terkumpul, nyata kepada kita bahawa kejayaan yang besar ini diperolehi melalui rasuah politik, sama ada dalam bentuk wang atau benda-benda lain, melalui ugutan, salah guna kuasa dan manipulasi media massa, media massa elektronik dan juga cetak yang cukup memualkan.

UMNO menerangi politik wang dalam organisasinya tetapi dalam pilihan raya umum yang lepas UMNO sendiri menaja politik wang tanpa rasa segan dan malu. Kerana itu, selepas pilihan raya ramai orang bercakap di Kelantan bahawa UMNO telah berbelanja lebih daripada RM13 juta bagi setiap kawasan Jeli dan Peringat, satu harga yang cukup mahal bagi sebuah kerusi politik. Saya tidak pasti adalah cakap-cakap ini benar ataupun tidak.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: (Bangun)

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yan dan Parit Sulong bangun. Hendak beri jalankah atau tidak?

Tuan Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Saya tak beri jalan kerana masa yang terbatas.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia

tak beri jalan, Yang Berhormat. Minta duduk ya.

Tuan Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Cukuplah, masa sudah lewat, satu cukup.

Tuan Yang di-Pertua, kami merasa syukur kerana berjaya mempertahankan kekuasaan di Kelantan walaupun kami digugat dan diserang dengan berbagai-bagai cara. Alhamdulillah, terbukti bahawa rakyat Kelantan masih bersama-sama dengan Angkatan Perpaduan Ummah dan mendokong kepimpinan ulama. Walaupun UMNO berjaya merampas dua kerusi Parlimen.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Masa sudah lewat, oleh kerana tadi pun saya minta jalan, Yang Berhormat dari Hulu Langat tidak beri kepada saya, maka saya rasa adil kalau saya tidak memberi jalan kepada orang lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta duduk, Yang Berhormat. Dia tidak mahu beri jalan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: (*Menyampuk*)

Tuan Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Kami tak pernah janji syurga, kami tidak pernah! Walau bagaimanapun, kami menganggap kejayaan UMNO merampas 7 kerusi Negeri dan 2 kerusi Parlimen bukan sebagai indikator sebenar bahawa rakyat telah menolak perjuangan yang dibawa oleh Angkatan Perpaduan Ummah. Lebih-lebih lagi

kalau kita teliti keputusan pilihan raya bagi 9 kerusi yang dimenangi oleh Barisan Nasional itu, kita dapati 5 daripadanya iaitu Peringat, Jeli, Ketereh, Kemahang dan Pergau telah dimenangi oleh calon-calon Barisan Nasional melalui undi pos yang diragui kesahihannya. Tanpa undi pos pasti UMNO kecundang di 5 kawasan ini dan tanpa undi pos sudah pasti Yang Berhormat dari Peringat dan Yang Berhormat dari Jeli tidak dapat merasa duduk di dalam Dewan yang mulia ini, apatah lagi untuk dilantik sebagai Menteri penuh. Kerana itu, sudah sampai masanya mengikut fahaman kita peraturan-peraturan.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Point of Order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Point of Order.

Tuan Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Oh, Point of Order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, silakan Parit Sulong.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, 36(6) kerana dia menimbulkan sangkaan jahat kepada Ahli Parlimen dari Jeli dan Peringat. Saya peringatkan kalau dia tak pasti, jangan cakap, oleh kerana itulah tuntutan Islam. Kalau nak cakap, cakap perkara yang pasti sahaja. (*Tepuk*) Jangan cuba menyebarkan fitnah, jangan cuba menimbulkan keraguan. Itu tuntutan Islam. Jadi, saya hendak peringatkan sedikitlah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta hati-hati sedikit fasal itu satu tuduhan bahawa dua orang Ahli Yang Berhormat ini tak boleh menang tanpa undi pos. Tak boleh komen macam itu, Yang Berhormat. Minta Yang Berhormat tarik balik.

Tuan Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Kalau itu bercanggahan dengan Point of Order, saya tarik baliklah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Parit Sulong menggunakan kekurangan majoriti pemimpin-pemimpin Pembangkang sebagai penyukat sokongan rakyat kepada perjuangan yang mereka bawa. Meminjam kaedah yang dipakai oleh beliau, saya suka mengatakan bahawa UMNO sendiri mengalami kemerosotan sokongan yang besar dalam kawasan tradisi mereka sendiri di negeri-negeri utara tanah air. Contoh terbaik bagi kes ini ialah kemerosotan majoriti calon UMNO di kawasan Parlimen Kubang Pasu. Pada tahun 1990, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memperolehi majoriti 22,062 undi, manakala dalam pilihan raya 1995 majoriti yang diperolehi oleh beliau hanya 17,226 undi.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yan minta jalan, Yang Berhormat.

Tuan Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Saya tak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tak beri, Yang Berhormat.

Tuan Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Satu kemerosotan sebanyak 4,836 undi. Melihat kepada angka yang besar ini, timbul satu soalan di dalam fikiran saya, bagaimanakah seorang Adi Jagat dan Wira Dunia Ketiga yang disanjung oleh penyokong-penyokongnya boleh mengalami kemerosotan mencecah angka 5,000 walaupun calon yang melawan beliau itu hanyalah ahli biasa PAS di Kedah? Bukankah ini

satu petanda yang cukup jelas kepada kita bahawa perjuangan UMNO yang dipimpin oleh Adi Jagat mula ditolak oleh rakyat dan UMNO sedang mengalami krisis ataupun proses hakisan pengaruh yang parah di kalangan para pengundi Melayu.

Kenyataan ini dapat diperkukuhkan lagi dengan wujudnya krisis kesetiaan di kalangan ahli-ahli UMNO yang bertindak secara terbuka menentang parti mereka dalam pilihan raya yang baru lepas. Kegawatan ini terpancar melalui tindakan drastik Majlis Tertinggi UMNO memecat 53 ahlinya, 8 daripadanya dipecat seumur hidup, satu sejarah dalam dunia politik tanah air kita.

Tuan Yang di-Pertua, kami mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta gulung, Yang Berhormat, ya!

Tuan Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah:kepada ahli-ahli UMNO yang telah sudi memberi kerjasama sama ada secara terbuka atau tertutup untuk mengundi calon-calon PAS terutamanya di Kedah.

Sebagai akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan Kerajaan Barisan Nasional supaya menjadi lebih bertanggungjawab, adil dan demokratik pada masa-masa yang akan datang.

Saya akhiri ucapan ini dengan menyokong usul tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Libaran.

6.17 ptg.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Usul Menjunjung Kasih kepada Yang di-Pertuan Agong di atas Titahnya di Pembukaan Penggal Pertama Parlimen Yang Kesembilan pada minggu lalu.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan mutakhir ekonomi negara jelas menunjukkan peningkatan yang amat positif dan memberangsangkan. Dalam suku penggal pertama tahun ini sahaja pencapaian ekonomi negara mencecah kepada angka 9.9%. Kelmarin mata wang Ringgit Malaysia terus melambung berbanding dengan Dollar Amerika dalam dagangan awal pada 2.40 mata melepasi paras tertinggi dalam tempoh 10 tahun. Kecemerlangan ini adalah gambaran jelas terhadap keteguhan dan kestabilan pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan. Hakikat tersebut juga adalah satu realiti dan bukti keunggulan Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang kerap menjadi model kecemerlangan di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional yang mana UMNO menjadi tunggak telah mampu mewujudkan kestabilan politik serta suasana yang aman dan makmur sepanjang tempoh pemerintahannya. Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya menyakinkan pelabur-pelabur asing untuk terus menanam modal, menyediakan suasana persekitaran pelaburan yang selesa dengan pelbagai insentif, membuka

banyak peluang pekerjaan, menerokai industri canggih serta mampu menyediakan prasarana bagi kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, segala usaha murni yang sedia dan akan dilaksanakan ini merupakan suatu perjuangan yang menuntut seluruh rakyat dalam memperterjemahkan Wawasan 2020, iaitu satu agenda yang bakal meletak Malaysia ke tahap yang begitu cemerlang. Namun begitu, dalam keikhlasan, kejujuran dan kesungguhan kepimpinan Barisan Nasional untuk mengajar kecemerlangan di abad ke-21 itu masih kedapatan elemen-elemen songsang yang sengaja ditiup serta diadu-dombakan oleh Pembangkang bagi mengelirukan minda rakyat.

Dalam pilihan raya umum lalu kita dengan jelas telah menyaksikan bagaimana kerasukan Pembangkang menyebar berbagai propaganda, di samping menghasut rakyat agar menentang Barisan Nasional. Di Semenanjung, PAS ternyata begitu galak dengan sentimen keagamaannya. DAP pula cuba mengagih simpati rakyat menerusi sentimen perkauman yang amat sempit. Manakala Semangat 46 telah menonjolkan identiti perjuangan yang amat bercelaru dan haru-biru.

Manakala di Sabah, Barisan Nasional juga pastinya masih menghadapi ke-rumitan dalam melaksanakan agenda Sabah Baru. Tidak-tanduk PBS masih belum akur dengan kehendak majoriti rakyat Sabah terhadap tuntutan perubahan. PBS terbukti masih ghairah membakar sentimen rakyat dengan politik perkauman serta kenegerian yang sempit dan keterlaluan. Meski pun Kerajaan Barisan Nasional telah menguasai tampuk pemerintahan negeri, namun PBS yang masih diulit mimpi untuk kembali berkuasa, ternyata terus berpatah arang berkerat rotan, bangkit meracuni fikiran rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kami di Sabah amat bimbang, walaupun empayar PBS sudah runtuh dan keangkuhan para pemimpinnya sudah dapat dibendung, tetapi sikap fanatik yang telah ditanam oleh PBS terhadap penyokong-penyokongnya dikhuatiri boleh menganggu-gugat kelangsungan kepimpinan Kerajaan Negeri dalam mengangkat martabat dan perjuangan rakyat Sabah ke satu arah yang lebih cemerlang.

Kejayaan Barisan Nasional dalam pilihan raya umum tempoh hari merupakan hukuman mutlak khususnya kepada PBS di Sabah serta sekutunya di Semenanjung. Bagi rakyat tidak menghalalkan sebarang bentuk politik perkauman dan keagamaan bertapak di bumi Malaysia. Pembangkang bukan sahaja kehilangan banyak kerusi, bahkan majoriti undi di kerusi yang dimenangi juga semakin mengecil. Kejayaan Barisan Nasional itu jelas mencerminkan keunggulan sebenar Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Syukur Alhamdulillah, Kerajaan Barisan Nasional mengambil alih tampuk pemerintahan Kerajaan Negeri dapat meruntuhkan keangkuhan PBS dan Presidennya. Kerajaan Barisan Nasional kini berjaya meyakinkan majoriti rakyat terhadap politik pembangunan bagi memberikan kesejahteraan kepada seluruh rakyat tanpa mengira suku kaum, agama dan kepercayaan.

Imej Kerajaan Negeri Sabah kini telah dapat dipulihkan sepenuhnya kerana negeri ini tidak lagi dipimpin oleh seorang Ketua Menteri yang telah didapati bersalah oleh mahkamah kerana melakukan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Ahli Parlimen dari Keningau yang juga Presiden PBS dalam ucapan di Dewan ini telah membangkitkan banyak perkara membabitkan negeri Sabah.

Saya berasa amat hairan, rakyat menolak PBS dalam pilihan raya umum yang lalu, parti tersebut masih juga enggan menerima keputusan yang telah dibuat oleh rakyat. Berbagai alasan diberikan terhadap punca kekalahan mereka seperti kononnya wujud pemegang kad-kad pengenalan palsu, rakyat asing membuang undi, resit pengenalan sementara dan sebagainya. Bagi saya alasan yang diberi ini menjadi perkara biasa bagi pihak yang sudah kalah dalam pertandingan (*Tepuk*), kalau kalah menari mulai kita "tanah tinggi rendah"; kalau kalah bersabung mulai kata "pihak lawan memasang taji beracun".

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan kepada Presiden PBS jika betul benar-benar mempunyai bukti terhadap segala tuduhannya, sila bawa masalah itu ke mahkamah. Perkara yang dilaung-laungkan oleh PBS itu bukanlah perkara baru, setiap kali selepas pilihan raya PBS akan mengulangi perkara yang sama, tetapi belum pernah mereka mengemukakan masalah ini ke mahkamah. Apa yang pasti mereka takut untuk membawa ke mahkamah kerana menyedari segala tuduhan-tuduhan yang dilemparkan olehnya adalah tidak benar, dan semata-mata untuk menarik simpati rakyat dan memberitahu dunia kononnya sistem pilihan raya di Malaysia ini tidak bersih, sedangkan negara-negara membangun berlumba-lumba ingin menjadikan sistem pilihan raya di Malaysia ini sebagai model bagi pilihan raya di negara mereka.

Saya ingin bertanya kepada Presiden PBS apakah keengganannya untuk membawa masalah ini ke mahkamah disebabkan beliau sendiri masih menghadapi lagi dua tuduhan dalam melakukan amalan rasuah ketika memerintah Kerajaan Negeri.

Wakil dari Keningau juga ada menyentuh soal perpaduan kaum dengan memberi gambaran seolah-olah PBS benar-benar berjuang atas dasar berbilang kaum di Sabah.

Selepas pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sabah tahun lalu, PBS yang membentuk Kerajaan Negeri dengan kelebihan satu kerusi telah membentuk satu kabinet Kerajaan Negeri yang sama sekali tidak menggambarkan dasar berbilang kaum, hanya tiga wakil bumiputera Islam menganggotai kabinet sedangkan bumiputera Islam merupakan majoriti di Sabah. Kaum Cina diberikan 5 kerusi sementara bumiputera bukan Islam menguasai 14 kerusi, tidak ada seorang pun bumiputera Islam dilantik pembantu Menteri. Apakah ini menggambarkan PBS sebuah parti berbilang kaum? Sejauh manakah benar laungan Presiden PBS bahawa partinya memperjuangkan perpaduan kaum? Bagaimanakah wakil dari Keningau mahu menafikan fakta bahawa PBS itu parti Kadazan, bukannya parti berbilang kaum? Sampai bilakah pula wakil dari Marudu mahu dijadikan boneka terhadap sebuah parti Kadazan.

Tuan Yang di-Pertua, Jika kita ingin membangkitkan soal kemungkar, kedengkian dan kesombongan yang wujud di dalam PBS, melainkan tindakan ini hanya membuang masa sahaja. Tidak ada gunanya Barisan Nasional melayan kerenah pihak minoriti Pembangkang yang telah kalah, tumpas, kecundang, tumbang tersungkur, rebah dan mampus. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan ekonomi Sabah telah mencapai satu tahap perubahan yang ketara di bawah kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional. Bantuan-bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan dalam tempoh 1 tahun yang lalu banyak

membantu proses pembangunan yang pesat di Sabah. Contohnya tahun lalu Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM480 juta untuk projek jana kuasa, dan peruntukan khas berjumlah RM29 juta bagi kerja-kerja jalan raya. Walau bagaimanapun kemudahan infrastruktur di Sabah ketika ini masih terbatas.

Kerajaan Persekutuan perlu melaksanakan beberapa rekomendasi yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri sebelum ini bagi memperbaiki taraf infrastruktur di Sabah. Adalah keperluan khas yang jelas untuk mengkaji semula kadar tarif elektrik yang tinggi di Sabah, di mana ketika ini tarif elektrik di Sabah adalah lebih tinggi di antara 33%-60% berbanding kadar di Semenanjung dan di antara 18%-24% berbanding Sarawak, ditambah pula dengan kualiti pembekalan tenaga elektrik yang kurang memuaskan, pembangunan industri di Sabah mungkin akan terjejas.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya Lembaga Letrik Sabah mengurangkan tarif elektrik bagi menggalakkan industri sekurang-kurangnya di dalam kawasan industri spesifik seperti Taman Perindustrian Kota Kinabalu. Sistem jalan raya di Sabah harus dinaikkan taraf, diperbaiki dari masa ke semasa. Contohnya, pada tahun 1990 peratusan jalan-jalan raya yang tidak ditar di Sabah adalah 66% berbanding dengan 15% sahaja di Semenanjung. Sistem jalan raya yang kurang baik ini disebabkan kos pengangkutan barangan dalam negeri Sabah amat tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang paling merunsingkan ialah bekalan air ke beberapa buah kampung di kawasan saya. Biarpun jaraknya hanya kira-kira 12 kilometer dari bandar, walaupun Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM182 juta pada

Januari 1995 bagi melaksanakan kerja-kerja menggantikan paip lama, dan mengagihkan bekalan air ke kawasan yang belum lagi mendapat bekalan air tetapi sehingga ini masih banyak tempat yang gagal mendapatkan bekalan tersebut. Sungai Batang, Sungai Manila, Gum-Gum Kecil adalah di antara nama-nama kampung di kawasan saya yang masih tidak ada bekalan air kerana batang-batang paip masih belum dipasang, biarpun bilangan penduduknya agak ramai. Oleh itu, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya supaya dapat mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini kerana masalah ketiadaan bekalan air ini juga boleh menjejaskan pertumbuhan industri di kawasan saya.

Selain daripada itu kadar taraf air di Sabah juga tinggi iaitu purata kira-kira 90 sen setiap 1,000 liter bagi kadar komersil, berbanding hanya 83 sen di Sarawak dan 70 sen di Pulau Pinang. Jabatan Bekalan Air perlu menyemak kadar tarif ini bagi kepentingan pembangunan industri di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh masalah pendidikan di Sabah di mana masih wujud kekurangan infrastruktur di kebanyakan sekolah khususnya di luar bandar. Di Sekolah Rendah Sungai Batang dalam kawasan saya contohnya tidak mempunyai bekalan elektrik dan ini menjejaskan pencapaian pelajar-pelajar kerana sudah pasti mereka tidak dapat menerokai mata-mata pelajaran utama seperti sains dan komputer kerana wujudnya masalah

ini. Masih wujud sekolah-sekolah berasrama penuh yang usang dan tidak dapat menampung pertambahan bilangan murid.

Di Sekolah Agama Elopura sebuah sekolah yang terletak hanya kira-kira 10 kilometer dari bandar Sandakan tidak cukup tempat tidur bagi menampung bilangan murid, ada yang terpaksa tidur di lantai kerana tidak ada katil dan seumpamanya. Selain itu minat guru-guru untuk mengajar di kawasan luar bandar masih lagi terbatas kerana kekurangan kemudahan infrastruktur seperti katil dan tempat tinggal dan kalau pun ada terlalu uzur dan hampir runtuh.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat masa hari ini sudah cukup, jadi sambung minggu depan, ada 3 minit lagi.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tiga minit?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.